

1. Dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan faktor-faktor yang telah membawa perubahan dari Zaman Paleolitik kepada Zaman Neolitik.

PENGENALAN (3 Markah)

1. Ketiga – tiga kebudayaan iaitu Pelolitik, Neolitik dan Gangsa merupakan tahap – tahap yang akhirnya membawa kepada evolusi dan peningkatan cara hidup manusia yang mewujudkan tamadun awal di lembah sungai seperti Mesopotamia, Mesir, Hwang Ho dan Indus.
2. Pada zaman Paleolitik manusia hidup mencari makanan, memburu dan tidak hidup menetap di suatu tempat. Alat – alat mereka diperbuat daripada batu seperti kapak dan pisau. Manusia Paleolitik wujud sekitar tahun 500,000 atau 100,000 tahun dahulu. Manusia ini juga dikenali sebagai Homosapiens yang ditemui di Pulau Jawa (Orang Jawa) dan China Utara (Peking Man).
3. Kebudayaan Neolitik sering diistilahkan sebagai kebudayaan Inovatif. Munculnya aktiviti bercucuk tanam. Alat batu dikerjakan dengan baik dan kadang kala alat tersebut digosok sehingga licin. Kemunculan alat tembikar. Pada permulaannya lebih kurang 10,000 hingga 5,000 tahun dahulu. Masyarakatnya menetap. Zaman ini juga disebut Zaman Revolusi Pertanian.
4. Pengertian / konsep prasejarah

FAKTOR – FAKTOR YANG MENGUBAH KEBUDAYAAN PALEOLITIK KEPADA NEOLITIK. (7 isi x 3 Markah)

1. Faktor utama yang membawa kepada perubahan kebudayaan daripada Paleolitik kepada Neolitik ialah **apabila manusia berkumpul di sesuatu tempat untuk kepentingan bersama demi memperbaiki cara hidup mereka**. Manusia pada zaman Neolitik tidak lagi hidup secara nomad dan telah memulakan kehidupan secara menetap terutamanya dalam menjalankan aktiviti pertanian seperti bercucuk tanam dan memelihara binatang. Aktiviti ekonomi ini telah menyebabkan mereka perlu untuk bekerjasama antara mereka yang mana akhirnya telah membawa kepada perkembangan petempatan kekal.
2. Faktor **kesuburan tanah** juga memainkan peranan penting dalam perubahan ini kerana manusia tertarik dengan kesuburan tanah di lembah sungai untuk aktiviti pertanian dan penternakan binatang. Setelah lahirnya konsep pertanian, manusia mula berhenti dengan cara hidup secara nomad dan mula hidup menetap secara bermasyarakat. Mereka juga sudah membina tempat kediaman yang lebih kukuh seperti pondok dan rumah sehingga mewujudkan perkampungan. Kehidupan manusia secara berkelompok dengan menjalankan aktiviti pertanian telah mendorong kemunculan proses perbandaran.
3. Kebudayaan Neolitik sering diistilahkan sebagai **kebudayaan inovatif**. Dengan munculnya **aktiviti bercucuk tanam**, pelbagai alat batu dihasilkan dengan baik dan kadang kala alat tersebut digosok sehingga licin. Contohnya, kemunculan alat

tembikar tanah telah membawa satu transformasi dalam kehidupan mereka dan mereka telah meninggalkan kehidupan zaman Paleolitik yang simple dan primitif. Kemunculan kebudayaan inovatif ini telah bermula sekitar lebih kurang tahun 10,000 hingga 5,000 sebelum masehi. Masyarakatnya hidup menetap dan zaman tersebut dikenali sebagai zaman Revolusi Pertanian.

4. Pada akhir Zaman Paleolitik, kehidupan manusia lebih memberatkan **nilai – nilai kepercayaan dan agama** yang mempunyai kaitan secara langsung dengan bumi dan kesuburan tanah untuk pertanian. Manusia pada zaman Neolitik sudah mula berusaha untuk berdamai dengan alam sekeliling terutamanya dalam memastikan kelangsungan hasil tanaman mereka. Mereka mula menyembah unsur-unsur alam seperti matahari, sungai dan tumbuh-tumbuhan yang dikenali sebagai kepercayaan animisme dan kepercayaan ini terus berkembang dan akhirnya telah menyaksikan kemunculan kepercayaan polithiesme yang menjadi pegangan agama utama pada zaman tamadun.
5. Perkembangan dalam aktiviti pertanian telah menyebabkan berlakunya lebihan dalam hasil-hasil makanan. Situasi ini telah menyebabkan berlakunya **aktiviti perdagangan** yang merupakan satu faktor yang membawa kepada perubahan dari zaman Paleolitik kepada zaman Neolitik. Dengan kelahiran dan perkembangan **ilmu pelayaran** terutamanya penciptaan perahu dan layar telah mendorong manusia menjalankan perdagangan dengan kawasan luar. Bukti – bukti kewujudan masyarakat Neolitik terdapat di Lembah Nil dan Tigris dan Euphrates. Di Semenanjung Tanah Melayu masyarakat ini ditemui di tiga kawasan lembah Sungai Perak (selatan Grik), lembah Sungai Pahang dan Lembah Sungai Kelantan.
6. Faktor kemampuan manusia mencipta **pelbagai peralatan seperti** tembikar dan alatan pertanian yang digunakan secara meluas seperti bajak, saliran dan roda juga telah membawa kepada perubahan ini. Kemampuan mereka mempelbagaikan peralatan dan tidak hanya bergantung kepada kapak genggam pada zaman Paleolitik telah memudahkan mereka menjalankan aktiviti pertanian. Kemajuan dalam penciptaan peralatan ini telah menjadi satu factor penting kepada perkembangan Revolusi Pertanian pada zaman Neolitik
7. Kemajuan pertanian pada zaman Neolitik telah mendorong kelompok manusia melibatkan diri dalam **aktiviti perdagangan**. Mereka tidak lagi hidup secara primitive sepertimana masyarakat zaman Paleolitik. Corak hidup pada zaman ini telah berubah dan mereka telah mula berusaha untuk mendapatkan bahan – bahan asas serta keperluan hidup yang lain. Sebagai contohnya mereka telah mula membina rumah dan kebanyakan rumah telah mula dilengkapi dengan perabut. Kaum wanita pula telah mula mengumpul barang-barang perhiasan dan ada antara mereka telah mula memiliki alat-alat solek untuk tujuan perhiasan dan kecantikan.
8. Faktor **peningkatan teknologi** membolehkan manusia menguasai persekitaran kehidupan dan merupakan asas kelahiran kebudayaan gangsa. Sebagai contohnya, penciptaan roda bukan sahaja telah mengubah corak pengangkutan tetapi mempercepatkan perkembangan industri terutamanya teknologi penciptaan tembikar. Dengan perkembangan teknologi ini, masyarakat pada zaman Neolitik telah maju setapak ke arah pembentukan tamadun dan telah meninggalkan jauh masyarakat Paleolitik.

9. Akhirnya, kebudayaan Neolitik telah memberi satu asas perkembangan kepada zaman gangsa yang memperlihatkan titik permulaan tamadun yang bersifat **perbandaran**.

KESIMPULAN (1 markah)

Masyarakat seharusnya mengetahui bahawa proses dan jangka masa perubahan kebudayaan Paleolitik kepada Neolitik dan zaman logam berbeza dari segi tempat dan masa. Zaman Neolitik menandakan berakhirnya Zaman batu dan membawa kepada kelahiran zaman Pra Sejarah Akhir iaitu Zaman Logam.

2. Jelaskan Kemunculan Sistem Tulisan Dengan Merujuk Kepada Contoh – Contoh Yang Terdapat Di Mesopotamia, Mesir Dan China.

SKEMA A

PENGENALAN. (3 Markah)

1. Penciptaan tulisan merupakan satu pencapaian yang besar manusia untuk menghadapi cabaran – cabaran baru dalam kehidupan manusia yang semakin kompleks. Penggunaan tulisan dapat memenuhi keperluan manusia dalam bidang pentadbiran kerajaan, pengutipan cukai, perdagangan, kesenian, keagamaan dan kesusasteraan.
2. Menerusi tulisan adalah hasil penciptaan golongan paderi. Di Mesopotamia sistem tulisan bermula dengan pembinaan rumah berhala yang besar dan merupakan kunci perkembangan tamadun Mesopotamia. Tulisan – tulisan ini berkait rapat dengan sistem kerajaan teokrasi yang wujud di kota – kota Mesopotamia menjelaskan sistem teokrasi yang dijalankan oleh golongan paderi dengan kuasa mutlak untuk menguruskan pentadbiran, pengendalian ekonomi dan pertanian. Di samping itu, tulisan digunakan untuk merekod akaun terutamanya pengutipan cukai daripada golongan rakyat.

ISI – ISI (5 isi x 4 markah)

1. Kemunculan sistem tulisan **berkait rapat dengan kelahiran bandar – bandar dan kota** di Lembah Nil dan Lembah Tigris – Eupretes. Bukti – bukti tulisan ditemui di Nippur (Mesopotamia) yang dikenali tulisan Cuneiform, di Memphis dan Thebes (Mesir) iaitu tulisan Hieroglyphic (Heroglif) yang digunakan untuk perhiasan dan kesenian monumen seperti piramid. Selain tulisan Heroglif terdapat juga Tulisan Hieratic yang tergolong dalam kumpulan inskripsi papirus dan tulisan demotic.
2. Penciptaan tulisan juga berkait rapat dengan **perkembangan perdagangan jarak jauh** misalnya antara tamadun Sumeria dengan Mohenjo – Daro dan Harappa. Tulisan membolehkan pedagang merekodkan sesuatu pembelian dan penjualan serta menandakan hak kepunyaan (stamp seals) yang menunjukkan nama – nama saudagar.
3. Masyarakat bertamadun mendorong wujudnya **kerajaan dan pentadbiran** perdagangan pembinaan monumen dan peraturan – peraturan serta adat istiadat sosial yang diperlu dijadikan dokumen bertulis. Peraturan dan undang – undang ini telah dicatatkan dalam undang – undang Hamurabi iaitu seorang raja Babylon. Undang – undang Hamurabi ini pada asalnya merupakan penyusunan undang – undang kuno Sumeria yang menjelaskan usaha pemerintah untuk melicinkan pentadbiran perundangan.
4. Sistem tulisan Heroglif di Mesir adalah dipengaruhi oleh Tamadun Sumeria. Di Mesir penggunaan tulisan bukan sahaja tertakluk kepada semata – mata keperluan agama tetapi ianya juga dipergunakan untuk **merekodkan hal kehidupan biasa dan**

peristiwa – peristiwa sejarah. Tulisan Heroglif banyak digunakan untuk mencatatkan pemerintahan Firaun dan ditemui di makam – makam Firaun.

5. Kemunculan tulisan ini juga disebabkan **perkembangan bidang kesusasteraan dan keagamaan** misalnya tulisan Cuneiform digunakan untuk menulis Creation Epic, Epik Gilgamesh dan Kod Undang – undang Hammurabi.

KESIMPULAN (2 markah)

Penciptaan tulisan merupakan usaha manusia untuk mengatasi cabaran – cabaran tertentu dalam masyarakat mereka akibat daripada perubahan – perubahan ekonomi, agama dan pentadbiran. Sistem tulisan di Mesir, Mesopotamia dan China telah membantu ahli sejarah menggunakan dokumen – dokumen awal untuk memahami beberapa aspek sejarah dan pemikiran manusia pada masa itu.

SKEMA B

Pengenalan :

- Ahli arkeologi membuktikan kewujudan tamadun awal melalui penemuan sistem tulisan yang terdapat pada batu bersurat, , tugu, istana kuil, surat perjanjian dan sebagainya.
- Menurut Darcy Riberio sistem tulisan ialah lambang dan manifestasi sesebuah bangsa.
- Antara sistem tulisan awal iaitu heroglif (Mesir) ideogram (Sumeria) piktograf (China) dan Phoenicia (Yunani)
- Bentuk tulisan awal berbentuk lambang dan simbol menjadi maksud tertentu.
- Latar belakang tamadun awal.

Isi :

1. Sistem Tulisan sebagai Catatan Pensejarahan :

- Ahli arkeologi dapat mengkaji sejarah perkembangan tamadun Mesir melalui penemuan batu bersurat yang dikenali sebagai ‘Roseta Inskription’ .Tulisan ini terdapat pada dinding-dinding piramid. Melalui tulisan Rosetanini dapat digambarkan corak kegiatanekonomi dan pertanian masyarakat Mesir purba.

2. Tulisan Untuk Merekod Upacara Keagamaan :

- Penemuan rumah berhala ‘ziggurat’ di Sumeria iaitu bangunan berbentuk piramid tujuh tingkat. Catatan pada dinding kuil dan ziggurat membuktikan telah wujudnya amalan keagamaan dalam masyarakat tamadun awal. Di Mesir penemuan kompleks kuil di Karnak dan Memphis ada mencatatkan tentang gambar-gambar dan simbol menggambarkan keagungan dan kebesaran firaun Kuffu yang membinanya. Tulisan pada dinding kuil membuktikan berlakunya upacara pemujaan terhadap Tuhan firaun atau Amon-Re di Mesir.

3 Tulisan Untuk Merekod Sistem Undang-Undang :

- Kod Hammurabi mengandungi 282 pasal meliputi perkara seperti perkahwinan, perdagangan, pertanian, pewarisan harta dan hukuman terhadap kesalahan jenayah yang dilakukan oleh masyarakat di Mesopotamia. Undang-undang Hammurabi menetapkan hukuman berat kepada sesiapa yang cuba mengubah mana-mana bahagian dalam kod tersebut. Golongan hamba diberikan hak serta dilindungi. Kod Hammurabi juga mencatatkan hak pengguna daripada ditipu oleh peniaga. Hukuman bagi setiap kesalahan jenayah amat berat dan rakyat perlu membayar denda yang berbeza mengikut status sosial. Hukuman lebih ringan jika kesalahan dilakukan oleh golongan atasan atau bangsawan dan sebaliknya.

4. Tulisan untuk Merekod Perkembangan Ilmu Pendidikan :

- Catatan pada buku rekod-rekod perubatan di Mesopotamia mengandungi 600 koleksi ubat-ubat dan merekod perkembangan bidang perubatan yang dikawal oleh kerajaan. Doktor diberikan penghormatan tinggi dan dilantik untuk berhidmat di istana. Kod Hammurabi mengandungi sembilan fasal/kod berkaitan ilmu pembedahan. Dalam ilmu matematik sistem angka diperkenalkan. Terdapat dua sistem angka iaitu perpuluhan dan perenam puluhan. Dua teks ilmu matematik telah dihasilkan iaitu 'table text' dan 'problem text' oleh masyarakat di Mesopotamia.

5. Tulisan Untuk Merekod Karya Kesusasteraan/ Kesenian :

- Epik Gilgamesh merupakan karya puisi yang panjang menyentuh tentang kepahlawan dan kehebatan putera-putera diraja dan corak hidup orang Sumeria. Pada zaman Sumeria epik yang terkenal iaitu Legenda Etana dan Legenda Adapa. Karya yang dihasilkan pada zaman Babylon lama iaitu 'The Poor Man of Nippur, The Lord of Wisdom dan Pessimistic Dialouge Between Master and Servant'. Pada abad ke- 3 SM tulisan cunieform menceritakan mitos tentang tuhan Enlil dan Ninhursag dihasilkan.

6. Tulisan untuk Merekod Urusan Pentadbiran :

- Catatan rekod-rekod pentadbiran zaman dinasti-dinasti awal di China. Penemuan kubur besar besar 'Teracota' mencatatkan tentang keagungan pemerintahan Shih Huang Ti. Di India terdapat catatan undang-undang dan tanggungjawab pemerintahan yang di pahat pada tiang-tiang batu Asoka untuk dipamerkan di khalayak ramai.

7. Tulisan Untuk Merekod Urusan Ekonomi Perdagangan :

- Di Mesir rumah-rumah berhala mempunyai buku-buku rekod dan catatan tentang semua urusan jual beli, menyimpan buku-buku kredit (hutang) dan merekod barangbarang pesanan.

8. Tulisan Untuk Ketenteraan :

- Melalui teks-teks 'Taittiriya Upanishad ' dan kitab-kitab rig-veda mencatatkan bahawa raja dianggap sebagai pemimpin tentera yang berperanan melindungi rakyat.

Kesimpulan :

Apa sahaja yang berkaitan.

3. Huraikan ciri-ciri pembentukan empayar dengan merujuk kepada tamadun-tamadun awal dunia.

Pendahuluan (3 markah)

- Menurut Farmer dalam buku, *Comparative History of Civilizations*, empayar merujuk kepada entiti politik yang menyatukan zon budaya yang luas. Kemunculan empayar disebabkan oleh dasar imperialisme yang menyebabkan berlaku proses penaklukan dan perluasan kuasa terhadap negara-negara lain. Proses perluasan kuasa menyebabkan muncul beberapa empayar seperti empayar Maurya dan Gupta di India, empayar Chin dan Han di China dan empayar Rom di Eropah. Terdapat dua jenis empayar yang utama iaitu empayar daratan dan empayar maritim. Empayar daratan menguasai tanah yang luas seperti empayar Maurya, Gupta, Rom dan Chin. Empayar maritim pula bergantung kepada penguasaan laut seperti empayar Srivijaya dan Majapahit .

Isi jawapan

Ciri-ciri pembentukan empayar (21 markah – 7 x 3 markah)

1. Perluasan wilayah

- Salah satu ciri utama dalam pembentukan empayar ialah perluasan kuasa. Apabila sesebuah empayar menjadi stabil, langkah-langkah diambil untuk memperkembangkan pengaruh di wilayah-wilayah berhampiran. Usaha perluasan kuasa merupakan langkah untuk menundukkan kuasa-kuasa besar di pinggir yang menggugat kestabilan politik sesebuah empayar. Contohnya, empayar Maurya diasaskan oleh Chandragupta Maurya dengan menyatukan negara-negara kecil di utara India. Pembentukan empayar ini bertujuan untuk menundukkan ancaman Yunani.

2. Sistem birokrasi yang teratur

- Kekuatan sesebuah empayar dapat dipertahankan dengan wujudnya sistem pentadbiran yang sistematik dan teratur. Sistem pentadbiran amat penting bagi mengukuhkan cengkaman kuasa kerajaan di seluruh wilayah jajahan takluk. Untuk tujuan tersebut, biasanya sesebuah kerajaan membahagikan empayar kepada wilayah-wilayah yang diperintah oleh gabenor. Kerajaan pusat melantik pemerintah di peringkat wilayah dan sentiasa mengawasi pegawai-pegawai di wilayah. Contohnya, Maharaja Shih Huang Ti telah membahagikan empayarnya kepada 36 wilayah dan wilayah-wilayah ini ditadbir oleh gabenor tentera.

3. Kekuatan ketenteraan

- Kekuatan ketenteraan amat penting bagi mewujudkan keamanan dalam empayar. Para pemerintah menggunakan tentera untuk mengatasi rampasan kuasa, pemberontakan dan keadaan kacau bilau. Bagi memudahkan tentera mengawal keadaan dalam negara, kota-kota pertahanan, jalanraya dan tembok didirikan. Contohnya pada zaman pemerintahan Maharaja Shih Huang Ti, tembok besar yang

dikenali sebagai Tembok Besar China didirikan bagi mengelakkan serangan orang-orang kasar.

4. Keseragaman budaya

- Pembentukan empayar bertujuan untuk melahirkan keseragaman budaya di seluruh empayar. Dalam konteks ini, lazimnya budaya negara induk akan dijadikan budaya rasmi di seluruh jajahan takluk empayar. Contohnya, Iskandar Zulkarnain menyebarkan kebudayaan Hellenistik yang merupakan paduan antara budaya Yunani dan Parsi ke seluruh empayar. Beberapa bandar baru ditubuhkan sebagai pusat penyebaran kebudayaan Hellenistik seperti Iskandariah dan Antioch.

5. Keseragaman sosial dan ekonomi

- Para pemerintah sesebuah empayar lazimnya akan bertindak menyeragamkan sistem tulisan, ukuran timbangan dan penggunaan matawang. Tindakan ini diambil untuk melicinkan urusan pentadbiran dan juga untuk memupuk semangat nasionalisme di kalangan penduduk. Contohnya, Sargon Agung telah memperkenalkan bahasa Akkadia sebagai bahasa rasmi empayarnya. Manakala, Asoka yang merupakan pemerintah agung empayar Maurya telah menjadikan bahasa Sanskrit sebagai bahasa rasmi empayarnya bertujuan mewujudkan penyatuan politik dan budaya. Dalam bidang ekonomi pula para pemerintah memperkenalkan sistem timbangan, ukuran dan matawang yang seragam. Contohnya, di Melaka sistem timbangan berdasarkan ukuran kati dan tahlil digunakan.

6. Kewibawaan pemimpin

Kewibawaan sesebuah empayar bergantung kepada pemimpin yang berwibawa. Pemimpin yang berwibawa dapat mewujudkan kestabilan politik. Ini dapat diwujudkan dengan menggunakan kekuatan tentera. Di samping itu, pemimpin-pemimpin juga memberikan naungan politik kepada pertumbuhan tamadun. Contohnya, Maharaja Shih Huang Ti memberi peluang kepada golongan sarjana yang berminat dengan falsafah Konfucius menjalankan penyelidikan sejarah. Manakal, kerajaan Maurya memberikan naungan politik kepada golongan karyawan untuk bergiat dalam lapangan kesenian dan kesusasteraan.

7. Penyebaran agama

- Pemimpin sesebuah empayar juga bertindak menyebarkan fahaman agama ke wilayah-wilayah jajahan takluk khususnya kepada pemimpin yang terikat dengan sesuatu fahaman agama dan ingin membawa perubahan dalam masyarakat. Contohnya, Maharaja Asoka telah mengambil beberapa langkah untuk menyebarkan agama Buddha dalam empayarnya. Selain, mengadakan siri lawatan ke seluruh empayar untuk menyebarkan agama Buddha, baginda juga melantik pegawai-pegawai yang dikenali sebagai Dharma Mahamatra untuk menyebarkan agama Buddha. Selain itu, Asoka telah mempraktikkan dan mengamalkan ajaran-ajaran Buddha dalam kehidupannya dengan menghentikan amalan membunuh binatang dan memakan daging. Hasil usaha dan langkah-langkah tersebut, agama Buddha telah menjadi agama dunia.

8. Kemajuan komunikasi

- Kejayaan sesebuah empayar juga bergantung kepada sistem pengangkutan dan komunikasi. Rangkaian jalanraya diperlukan untuk menggerakkan pasukan tentera untuk melicinkan pentadbiran. Hal ini dapat dilihat dalam kerajaan Rom zaman Augustus Caesar. Beliau telah membina jalanraya-jalanraya yang menghubungkan Rom dengan kebanyakan kawasan jajahannya. Ini telah memudahkan pergerakan tentera ke kawasan jajahan untuk mematahkan sebarang kebangkitan untuk mencabar kepimpinan maharaja.

Kesimpulan (1 markah)

- Empayar merupakan entiti politik yang lahir daripada kegiatan ketenteraan yang menyebabkan proses perluasan wilayah. Sebagai unit politik yang merangkumi kawasan yang luas, empayar mempunyai beberapa ciri seperti sistem birokrasi kerajaan pusat yang mantap , kehomogenian budaya, agama dan budaya, kekuatan militer, perlaksanaan hegemoni dan sistem naungan ekonomi. Ciri-ciri ini amat penting dalam memantapkan serta mengukuhkan kedudukan sesebuah empayar dari segi politik, ekonomi dan sosial. Empayar akan mengalami kemerosotan apabila pemerintah gagal mengawal struktur empayar, mengukuhkan pentadbiran pusat, kemerosotan ekonomi dan sistem pertahanan lemah.
- Apa-apa sahaja yang berkaitan

4. Huraikan Strategi Yang Digunakan Dalam Sejarah Peperangan Sejak Zaman Tamadun Awal Manusia.

PENGENALAN: (3 markah)

Strategi peperangan merupakan suatu kempen peperangan yang merangkumi konsep peperangan. Penggunaan kuasa tentera, alat – alat senjata lojistik serta membanyak unsur peperangan untuk pencapaian objektif ataupun sasaran peperangan dengan berkesan. Strategi adalah suatu seni dan sains peperangan yang kemenangan atau kekalahan bergantung kepada perlaksanaannya. Daripada strategi berpuncalah taktik – taktik peperangan seperti taktik pertahanan, perikatan tentera, penyerangan dan pengepungan.

PRINSIP – PRINSIP PEPERANGAN/STRATEGI. (5 markah)

1. Peperangan strategi semestinya didasarkan objektif – objektif peperangan seperti mempertahankan sesuatu sasaran yang strategik, memperlambatkan kemaraan tentera musuh, mengatasi sesuatu halangan atau memperkukuhkan kedudukannya.
2. Strategi sentiasa berubah – ubah mengikut perkembangan baru keadaan geografi, keluasan dan saiz tentera musuh dan iklim.
3. Didasarkan juga sasaran jangka masa pendek atau jangka masa panjang di dalam konteks perancangan keseluruhan.
4. Strategi juga terdorong oleh semangat perjuangan musuh, kekuatan musuh dan keupayaan untuk meneruskan perjuangan .
5. Strategi tertakluk kepada sokongan logistik iaitu termasuk pengangkutan, kemudahan dan perkhidmatan personel.

PERLAKSANAAN STRATEGI.(15 markah – 5 x 3 markah)

1. Strategi Pertahanan yang bertujuan mengekalkan status quo. Mendirikan kubu untuk mempertahankan dan sesuai di tempat yang strategik. Biasanya didirikan di tempat bukit, lereng bukit atau batu besar (seperti Acropolis di Yunani). Pembinaan tembok besar untuk melindungi sempadan daripada serangan musuh yang berlaku kerap kali (Tembok Besar China) dan Tembok Hadrian dan Britanic pada zaman Empayar Rom. Pertahanan juga sering dirancang untuk memperkukuhkan kedudukannya supaya sasaran lebih mudah dicapai.
2. Strategi Menjalinkan Perikatan Tentera negara jiran atau negara lain untuk membendung ancaman dan cabaran musuh – musuh, contohnya di China pada zaman Han apabila Tentera Han menjalinkan hubungan yang rapat dengan kaum Yueh - Chi untuk membendung musuhnya Hsiung – Nu di Yunan. Athens misalnya membentuk Liga Delas untuk menghadapi kuasa Parsi.

3. Strategi penyerangan secara terus untuk meluaskan sempadan – sempadan empayar atau penaklukan demi kepentingan melindungi sempadan. Contohnya di Greco – Rom yang penyerangan membawa kepada pengeluaran Empayar di Semenanjung Itali dan Laut Mediterranean. Taktik penyerangan juga melibatkan pemilihan sesuatu taktik, masa dan tempat yang dianggap paling sesuai untuk menjamin kejayaan.
4. Strategi Pengepungan : yang biasa digunakan, berlaku semasa zaman Feudalisme di Eropah Barat untuk menghancurkan semangat musuh dan kekuatan pertahanan musuh di sesuatu tempat yang strategik.
5. Strategi “ Cohension dan Dispersion” : di dalam sesuatu medan peperangan yang kira diperluaskan atau untuk menyerang musuh.
6. Pembinaan bandar – bandar/pusat – pusat Tentera : untuk mengekalkan kawasan – kawasan yang telah ditakluki (garisan) misalnya; strategi Allexander the Great

A. PENUTUP (2 markah)

Apa – apa yang berkaitan.

5. Dengan memberikan contoh daripada Tamadun Awal Manusia, bincangkan tujuan dan sebab – sebab perkembangan Institusi Pendidikan Formal.

PENGENALAN (3 markah)

Pendidikan yang berbentuk formal adalah berkait rapat dengan munculnya masyarakat manusia bertamadun. Berbagai Institusi telah diwujudkan untuk pengajaran dan pembelajaran seperti tempat ibadat, istana rumah, rumah guru, sekolah dan kolej. Walaupun terdapat banyak perbezaan dari segi objektif, organisasi dan perlaksanaannya tetapi dapatlah dikenal pasti beberapa objek yang menjadi punca dorongan penubuhannya. Antara objektif – objektif yang biasa didapati ialah motivasi agama untuk kepentingan individu dan negara, keperluan kerajaan dan kewarganegaraan, strateg.

ISI – ISI (4 isi x 5 markah = 20 markah)

A). OBJEKTIF AGAMA

- Sejak permulaan masyarakat bertamadun agama adalah suatu kuasa yang mempengaruhi pemikiran dan tindakan manusia. Pengendalian ekonomi pertanian dan sistem pemerintahan memang berdasarkan peraturan – peraturan dan upacara – upacara yang berpunca daripada kepercayaan manusia dan agama. Fenomena ini terbukti dengan munculnya segolongan paderi yang berfungsi khusus dengan hal kepentingan agama. Golongan paderi terlibat rapat dengan politik, ekonomi dan sosial dalam masyarakat. Maka pendidikan formal merupakan suatu alat yang membolehkan golongan paderi memenuhi aspirasi mereka dalam hal pengurusan politik dan ekonomi.
- Di Mesir para pelajar dididik untuk kerja pengkeranian dan perkhidmatan di rumah berhala dan juga untuk memperkukuhkan kedudukan kaum paderi dalam lingkungan politik. Objektif itu terdapat di Mesopotamia di mana kegiatan intelektual dan pendidikan berpusat di perpustakaan yang biasanya terdapat di kuil besar.
- Di tamadun India, pemikiran falsafah, perundangan, kerajaan dan pendidikan berkisarkan kepada agama. Pendidikan formal untuk golongan yang berkasta tinggi seperti Brahmin berasaskan pengajian kesusasteraan Veda, Rig – Veda, misalnya adalah berkenaan dengan upacara agama dan amalan pengorbanan (sacrifice). Ia mencerminkan keperluan dan pengajaran golongan paderi semasa serangan orang Arya. Pada zaman Gupta terdapat juga pusat pengajian agama Budha seperti di Vikramasila dan Jagaddala. Ajaran Hindu diajar di tempat kediaman guru yang dikenali sebagai 'Pathasala' di India Barat dan tols di wilayah Bengal. Diperingkat kampung terdaapt Agrahara di mana kaum Paderi Brahmin mengajar kitab suci Hindu.

B). KEPERLUAN KERAJAAN DAN KEWARGANEGARAAN.

- Pendidikan kerap kali dikaitkan dengan sistem politik dan kerajaan demi kepentingan pentadbiran dan birokrasi, penyertaan rakyat dalam proses kerajaan, hal ketaat setiaan rakyat terhadap raja dan negara. Objektif pendidikan untuk keperluan pentadbiran birokrasi berkait rapat dengan memberikan suatu asas untuk kedudukan kerajaannya serta mengekalkan keharmonian masyarakat dan ketaatsetiaan kepada raja dan negara.
- Manifestasi ini adalah jelas di tamadun China awal terutamanya ada Dinasti han dan Tang. Fahaman Confucius telah menjadi satu ideologi politik dan asas kurikulum pendidikan China untuk memupuk pertumbuhan segolongan elit (scholar – gentry) yang akan menyokong dan memperkuat kedudukan Maharaja China. Perlantikan pegawai – pegawai untuk perkhidmatan birokrasi adalah berasaskan suatu sistem peperiksaan yang berteraskan pendidikan Confucius. Disamping itu faham Confucius juga merapatkan kekeluargaan demi kepentingan keharmonian masyarakat China. Masyarakat China mengikut faham Confucius terdiri daripada dua kategori besar iaitu golongan elit yang berpendidikan (yang memerintah) dan golongan bawahan (yang diperintah). Jadi pendidikan dianggap sebagai kayu ukur hierarki masyarakat China.
- Pendidikan untuk kewarganegaraan adalah jelas di negara kota Yunani. Dengan perkembangan demokrasi yang memuncak semasa pemerintahan Pericles, sistem pendidikan di negara kota Athens adalah bertujuan untuk mengwujudkan hubungan yang lebih erat antara rakyat negara Athens dengan institusi – institusi kerajaan di Acropolis Athens supaya rakyat dapat menyertai secara penuh dalam jentera kerajaan yang berasaskan ideologi demokrasi. Objektif pendidikan juga termasuk melengkapi seseorang individu dengan sifat – sifat membolehkannya memberi sumbangan yang lebih berkesan kepada politik negara kota Athens. Pada hal ini muncullah segolongan pendidik profesional yang dikenali Sophists yang dapat memenuhi aspirasi – aspirasi warganegara Athens untuk menjadi negarawan – negarawan yang cekap. Jadi dua disiplin diberatkan dialiectic dan rhetoric yang akan menjadi seorang Individu lebih lancar dan bijak. Ahli falsafah Plato juga menubuhkan sebuah akademik untuk memupuk segolongan minoriti yang benar – benar berkemampuan mengendalikan hal – hal politik iaitu konsep *philosopher - kings*

C). PENDIDIKAN DAN PERTAHANAN.

- Satu contoh yang jelas sekali ialah sistem pendidikan di negara kota Sparta. Di Sparta sistem pemerintah adalah untuk menguatkan kerajaan orang – orang Sparta tulen untuk mengawal rapat orang tawanan (Helots) yang dijadikan hamba kepada orang Sparta. Golongan hamba ini amat besar jumlahnya jika dibandingkan dengan penduduk Sparta.
- Orang Sparta berasa khuatir bahawa Helots mengancam mereka dan melakukan pemberontakan. Jadi pendidikan formal adalah bercorak ketenteraan di mana setiap kanak – kanak Sparta dikenakan latihan tentera serta dikenakan disiplin yang ketat dan hidup di barek tentera terpisah daripada ibu bapa mereka. Latihan tentera

merupakan kurikulum utama sistem pendidikan Sparta untuk tujuan melahirkan semangat ketenteraan dan disiplin untuk pertahankan negara kota Sparta daripada ancaman Helots.

D). PENDIDIKAN UNTUK MANUSIA DAN MASYARAKAT (HUMANISME).

- Pada akhir zaman pertengahan di Eropah Barat, fokus baru tertumpu pada manusia, fakulti – fakultinya, hal ehwal manusia, aspirasi – aspirasi sedunia manusia dan hal kebajikannya. Pendidikan teologi dan keagamaan tidak diterima lagi oleh kerana tidak membayangkan realiti keadaan baru yang berkembang di Eropah khususnya di Itali.
- Pada masa itu masyarakat Eropah telah berubah, perdagangan diperluaskan dan kehidupan dibandaraya menjadi lebih signifikan. Kuasa ekonomi dan politik tidak lagi terletak di tangan tuan – tuan tanah feodal dan gereja tetapi diambil alih oleh golongan borjuis yang hidup di pusat bandar. Bahasa tempatan telah menggantikan Latin dan suatu sistem pendidikan baru dirasai perlu untuk pengajian kepentingan individu, manusia dan masyarakat.
- Pendidikan di Athens merangkumi falsafah, muzik dan sukan untuk keharmonian sejagat. Perubahan Sokrates dan Plato telah memberikan idea dan pendapat tentang pendidikan di Athens.

KESIMPULAN. (2 markah)

- Objektif – objektif yang menentukan institusi – institusi pendidikan formal merangkumi agama, kerajaan dan pentadbiran dan ketenteraan dan humanisme. Objektif – objektif itu boleh dianggap sebagai prinsip – prinsip yang dapat mempengaruhi kebangkitan dan organisasi pendidikan formal di dalam sesuatu masyarakat.

7. Huraikan perkembangan pemikiran ahli-ahli falsafah Yunani dan China.

Pendahuluan (3 markah)

- Usaha untuk meningkatkan keilmuan manusia telah diteruskan oleh para cerdik pandai sejak zaman silam lagi. Satu daripada aspek ilmu ialah dalam bidang falsafah.
- Menambah pengetahuan dan kepandaian dalam pelbagai perkara dan aspek kehidupan merupakan suatu proses yang diberi keutamaan oleh sarjana-sarjana Yunani dan China.
- Kemunculan ilmu falsafah di Yunani adalah berkait rapat dengan sistem politik negara kota Athens yang mengamalkan sistem demokrasi yang banyak memberi kebebasan kepada golongan intelek sehingga lahirnya ramai ahli falsafah yang berpendapat bahawa pemimpin politik dan sosial mesti terdiri daripada golongan ahli falsafah.
- Manakala perkembangan falsafah Tamadun China pula, wujud beberapa pemikir falsafah yang menekankan hal ehwal manusia dan hubungan manusia dalam masyarakat.
- Antara ahli-ahli falsafah yang terkenal dalam Tamadun Yunani ialah Socrates, Plato dan Aristotle manakala aliran pemikiran utama China ialah Confucianisme, Taoisme dan Legalisme.

Isi Jawapan (20 markah)

A). Sumbangan Ahli Falsafah Yunani (10 markah)

1. Socrates

- Beliau dianggap sebagai bapa falsafah dan demokrasi Yunani.
- Socrates menggunakan kaedah bertanya untuk mencari jawapan, pengetahuan dan kebenaran. Segala perkara yang berlaku dalam alam ini harus dibuktikan. Kaedah ini menggalakkan orang ramai menggunakan akal.
- Persoalan yang dibangkitkan oleh Socrates menyentuh kehidupan manusia dan menanamkan nilai individualisme di jiwa rakyat Athens.
- Beliau mengajar manusia berkelakuan dan berakhlak baik serta berfikir dengan bijak.
- Beliau dihukum mati kerana dituduh menafikan dewa dewi dan merosakkan pemikiran golongan muda yang menggunakan kaedahnya iaitu menyampaikan pengetahuan melalui cara menyual untuk mendapatkan kebenaran.

2. Plato

- Plato adalah anak murid Socrates.
- Beliau telah menubuhkan sebuah sekolah yang bernama Akademi di Athens di mana sekolah itu telah melahirkan ramai ahli falsafah.
- Menurut beliau, sesuatu kerajaan dan juga kehidupan manusia haruslah berpandukan kepada prinsip-prinsip kebaikan, kemuliaan, keadilan dan kasih sayang. Beliau juga menegaskan bahawa hak yang sama harus diberikan kepada golongan wanita.

- Plato dalam bukunya ' Republik ' menerangkan tentang struktur kerajaan yang paling baik kepada rakyat dan menekankan bahawa kerajaan yang ideal adalah kerajaan yang dipimpin oleh ahli falsafah.
- Selain itu, pemerintah harus memberi pendidikan kepada setiap warganegara supaya manusia boleh mempunyai hidup yang baik, sempurna, berbudi dan berdisiplin.

3. Aristotle

- Aristotle adalah pengikut Plato yang terkenal dan dikenali sebagai bapa logik.
- Menurutny, ilmu pengetahuan dan penyelesaian masalah haruslah diperolehi melalui proses pemerhatian, pengumpulan, penyusunan fakta serta fikiran yang teratur, tepat atau berdasarkan hubungan sebab dan akibat.
- Beliau merupakan orang yang pertama memperkenalkan kaedah saintifik dalam mencari kebenaran.
- Idea dan falsafah Aristotle terkandung dalam bukunya yang berjudul ' Ethics ' dan ' Politik ' .
- Dalam bukunya Politik, Aristotle menyarankan supaya manusia harus mengamalkan sifat sederhana dalam kehidupan.
- Menurut Aristotle, kerajaan bercorak demokrasi adalah sistem yang zalim dan menindas kerana mengabaikan perbezaan antara manusia. Bagi beliau, kerajaan yang baik adalah sebuah politik di mana pemerintahannya dijalankan oleh orang ramai yang meliputi ciri-ciri terbaik pemerintahan monarki dan oligarki.
- Beliau menubuhkan sebuah sekolah bernama Lyceum untuk mengembangkan falsafah dan kajian sainsnya.

B). Sumbangan Ahli Falsafah China (10 markah)

1. Mencius

- Falsafah tamadun awal China dipengaruhi oleh perubahan musim. Menurut Mencius, seorang ahli falsafah China, semua benda di dunia termasuk ilmu terbahagi kepada dua kategori umum iaitu Yin dan Yang.
- Yin dan Yang melambangkan keharmonian dan saling bertindak di antara unsur-unsur yang bertentangan seperti kegelapan dan kecerahan, kelembapan dan kepanasan, langit dan bumi serta lelaki dan perempuan. Kesinambungan di antara kedua-dua unsur ini telah mempengaruhi kehidupan masyarakat China.

2. Confucianisme

- Falsafah China juga tertumpu kepada manusia dan hubungannya dengan orang lain dan di dalam masyarakat. Ahli-ahli falsafah China seperti Confucius juga berusaha untuk

memperkuat semula feudalisme di China untuk mewujudkan keamanan dan keharmonian. Ia tidak menekankan manusia sebagai individu yang bebas.

- Confucianisme yang berasaskan kepada ajaran Confucius, wujud pada zaman Dinasti Chou yang mengalami keruntuhan akhlak akibat keruntuhan sistem feodal dan peperangan. Menurut Confucius, manusia tidak hidup berseorangan atau terasing daripada masyarakat. Oleh itu, manusia diajar bagaimana mereka harus bertindak dalam masyarakat mengikut suatu upacara adat istiadat.
- Ajaran Confucius memberikan penekanan tentang harga diri dan kemanusiaan. Penekanan diberikan kepada prinsip amanah, rajin, bersifat mulia, berbudi bahasa dan bermurah hati. Kerajaan yang aman dan makmur dapat diwujudkan sekiranya pemerintah menunjukkan budi pekerti yang baik untuk dicontohi oleh rakyat.
- Pedoman untuk hubungan dalam masyarakat dibahagikan kepada lima bentuk iaitu hubungan pemerintah dengan rakyat, ibubapa dengan anak, suami dengan isteri, abang dengan adik dan kawan dengan kawan. Sekiranya wujud hubungan hormat-menghormati, kesopanan, kesusilaan dan bertanggungjawab, maka akan wujud keamanan dalam keluarga, masyarakat dan negara.
- Ajaran-ajaran Confucius boleh diperolehi daripada dua buku iaitu Klasik Confucius dan Analekta.

3. Taoisme

- Taoisme berasaskan kepada ajaran Lao Tze dan Chuang Tzu. Ajaran falsafah mereka terkandung dalam dua buah buku mereka iaitu Tao Te Ching dan Chuang Tzu. Ajaran ini ialah reaksi terhadap ajaran Confucius yang menekankan kepatuhan kepada peraturan sosial.
- Ajaran Tao ini menekankan keharmonian manusia dengan alam semesta. Tao adalah suatu cara atau jalan untuk mencapai keharmonian itu. Menurut ajaran Tao, manusia tidak harus mementingkan keduniaan dan mencari kebahagiaan dengan mengasingkan diri daripada peraturan duniawi. Manusia harus hidup sederhana serta melakukan meditasi dan hidup berharmoni dengan peraturan alam semesta.
- Taoisme menegaskan bahawa kerajaan yang paling berkesan adalah kerajaan yang paling sedikit memerintah dengan undang-undang dan peraturan yang sedikit serta mudah difahami oleh rakyat. Penekanan kepada alam telah menggalakkan pengikut Taoisme menerokai sains dan teknologi. Pengaruh Taoisme juga terdapat dalam bidang kesusasteraan dan kesenian masyarakat China.

4. Legalisme

- Legalisme merupakan satu lagi falsafah yang penting di China. Ia mengajukan kepentingan penekanan undang-undang untuk mewujudkan kecekapan dalam kerajaan dan ketertiban dalam masyarakat.
- Pemikir unggul Legalis adalah Han Fei yang menulis Han-fei-tzu yang merupakan falsafah legalis yang komprehensif. Pengikut Legalisme tidak percaya tentang kasih sayang dan belas kasihan. Kuasa harus dikekalkan dan dipelihara dalam apa jua keadaan.

- Menurut Han Fei, nilai-nilai yang dicadangkan oleh Confucius adalah hipokratik dan hanya digunakan untuk kepentingan sendiri.
- Falsafah ini digunakan oleh Maharaja Shih Huang Ti untuk memerintah dan mengekalkan kuasanya setelah beliau berjaya menyatukan Negeri China.

Kesimpulan (2 markah)

- Pelbagai jenis falsafah yang muncul di Yunani dan Negeri China muncul akibat keadaan politik dan sosial yang wujud pada zaman itu yang memerlukan pendapat dan idea-idea baru untuk menyelesaikan masalah pada zaman itu. Sumbangan ahli-ahli falsafah di Yunani dan China juga adalah relevan untuk kehidupan pada masa kini.
- Apa sahaja kesimpulan yang sesuai.

8. Jelaskan kesan-kesan yang berlaku hasil daripada pencapaian peneroka-peneroka Sepanyol dan Portugis pada abad ke 15 dan 16 Masihi kepada Sejarah Dunia.

PENGENALAN (3 MARKAH).

1. Pada pertengahan kurun ke – 15 masihi, orang – orang Portugal telah menjumpai pulau – pulau Madeira dan Azores di Lautan Atlantik dan berjaya menerokai kawasan pinggir Afrika barat sehingga Guinea. Pada tahun 1497, Vasco da Gamma berjaya mengelilingi Benua afrika dan belayar ke India manakala pada tahun 1492, seorang Genoe, Christoper Columbus telah menyeberangi Laut Atlantik dan mendarat di Lautan Hindia Barat yang dipercayai sebahagian Benua Asia. Pencapaian mereka memang membuka suatu tahap baru dalam sejarah dunia dengan berlakunya banyak perubahan. Ahli sejarah pernah menyatakan bahawa pencapaian mereka telah merupakan titik permulaan sejarah Eropah Moden.
2. Peranan Putera Henry dan Ferdiand menggalakkan penerokaan dan penjelajahan.
3. Faktor – faktor yang menggalakkan penjelajahan dan penerokaan. Di antara faktor tersebut ialah tiga ‘G’

ISI – ISI (21 MARKAH = 7 ISI x 3 MARKAH).

KESAN-KESAN KEPADA SEJARAH DUNIA.

1. MEMPERLUASKAN TANAH JAJAHAN.

Buat pertama kalinya kuasa – kuasa Eropah telah berjaya memperluaskan kuasa tanah jajahannya di luar Eropah. Di Benua Asia, Portugal telah menubuhkan empayar maritim yang menguasai jalan luar di Lautan Hindi, Asia Tenggara sehingga negeri China.

2. PERDAGANGAN DI ASIA.

Perdagangan di Asia didominasi oleh Portugal melalui satu jalinan pusat kuasa dan perdagangan di pelabuhan – pelabuhan strategik seperti Socotra, Hormuz, Aden, Goa, Melaka, Moluccas dan Macao. Pada kurun ke – 16, Portugal telah muncul sebagai kuasa perdagangan yang dominan – di Asia Tenggara, di Timur Jauh dengan Jepun dan China dan di Eropah berjaya menggantikan peranan Venice sebagai kuasa perdagangan.

3. PERKEMBANGAN AGAMA KRISTIAN LUAR EROPAH.

Dari pusat – pusat itu, agama kristian juga tersebar terutamanya oleh golongan Franciscian. Penaklukan dan pemerintahan diikuti dengan penyebaran agama Kristian.

Melalui Gereja Khatolik, unsur – unsur kebudayaan Sepanyol seperti bahasa dan cara kehidupan telah diperkenalkan kepada orang – orang tempatan.

4. PENGALIRAN KEKAYAAN KE EROPAH.

Berikutan daripada penjelajahan Columbus, orang – orang Sepanyol mulai menduduki beberapa kawasan di Hindia Barat, iaitu Hispaniola dan cuba dengan bermotif memperolehi tanah untuk pertanian dan emas. Herman Cortes merampas Mexico daripada Aztec. Dataran Tinggi Mexico adalah kaya dengan emas dan sesuai sekali untuk pertanian perladangan. Pada tahun 1531, Pizarro menakluki Peru yang lombong peraknya di Potosi adalah sumber kekayaan kepada Eropah selama tiga kurun. Menjelang 1700 TM, tiga kawasan utama telah diduduki : Mexico, Peru dan Kepulauan Caribbean dan pengendalian ekonominya tertakluk kepada kepentingan Sepanyol.

5. PERPINDAHAN PUSAT PERDAGANGAN KE EROPAH BARAT.

Kesan – kesan ke atas Eropah boleh dilihat daripada beberapa sudut. Pusat – pusat perdagangan di Eropah yang dahulunya bertapak di Eropah selatan mulai berpindah ke Eropah Barat, iaitu Lisbon, Bordeix, Liverpool, Bristool dan Amsterdam. Antara barang – barang import ialah makanan dari Amerika Selatan yang dapat menyumbang kepada pertambahan bilangan penduduk di Eropah.

6. KELAHIRAN EKONOMI KAPITALISME.

Kekayaan dari koloni – koloni yang mengalir ke Eropah akhirnya memberi sesuatu asas yang kukuh untuk kelahiran ekonomi kapitalisme. Kapitalisme bermula dengan revolusi komersil yang menitik beratkan pasaran eksport, modal persendirian, keuntungan dan penindasan tenaga buruh murah. Pada jangkamasa panjang, penjelajahan dan penerokaan menandakan titik perubahan daripada ekonomi feudal kepada ekonomi kapitalisme.

7. KESAN SOSIAL KE ATAS MASYARAKAT EROPAH DAN KOLONI.

Penjelajahan juga membawa banyak kesan – kesan buruk kepada masyarakat eropah dan koloni. Di eropah, kekayaan baru kian meningkatkan kadar kos kehidupan dengan kenaikan barang – barang keperluan. Juga mempertajamkan jurang perbezaan sosial – memperketatkan stratifikasi masyarakat mengikut kekayaan. Di koloni, kedatangan orang – orang Eropah telah memperkenalkan penyakit – penyakit baru yang membawa kepada kenaikan kadar kematian orang – orang tempatan.

8. MEMPERCEPATKAN KEMEROSOTAN PENGARUH PEDAGANG ISLAM.

Penguasaan perdagangan di Laut Mediterranean dan Lautan Hindi oleh pedagang Islam telah merosot kesan daripada pnerokaan kuasa Eropah terutamanya Portugis.

9. PERUBAHAN EKOLOGI

Dari segi flora dan fauna dengan beberapa jenis pokok dan binatang dari Asia dan Eropah diperkenalkan ke Amerika Utara dan Selatan dan sebaliknya. Misalnya jagung, tomato, ubi kentang dan ayam.

10. ASIMILASI ANTARA PENJAJAH DENGAN PENDUDUK TEMPATAN.

Berlakunya kahwin campur antara penjajah dengan penduduk tempatan contohnya di Amerika Selatan dan Filipina, Bahasa sepanyol mempengaruhi penduduk tempatan.

KESIMPULAN (2 MARKAH)

Apa – apa sahaja yang berkaitan.

SKEMA JAWAPAN - BAHAGIAN B

9. Huraikan tentang bentuk-bentuk agama dan kepercayaan masyarakat Arab Jahiliah.

Pendahuluan (3 markah)

a) Maksud Jahiliah.

- Jahiliah berasal dari perkataan "jahil" yang bermaksud bodoh. Menurut Philip K. Hitti dalam bukunya "History of the Arab's", jahiliah bermaksud bodoh atau jahil dari segi agama kerana pada ketika itu, tidak ada nadi dan tidak ada kitab suci yang boleh dijadikan sebagai petunjuk. Mereka tidak boleh dianggap jahil atau bodoh dari segi ilmu pengetahuan kerana mereka telah mempunyai tamadun yang tinggi.
- Al-Quran tidak memberi batas tertentu bagi zaman jahiliah. Kamus Bahasa Arab menyebutkan zaman jahiliah sebagai zaman sebelum Islam, iaitu sebelum turunya al-Quran.
- Menurut Dr. Mahyuddin Haji Yahya, zaman jahiliah ialah kira-kira 300 tahun sebelum kerasulan Nabi Muhammad s.a.w., iaitu selepas kejatuhan Kerajaan Sabak.
- Masyarakat Arab Jahiliah mempunyai agama dan kepercayaan mereka sendiri.

Isi Jawapan (5 x 4 markah =20 markah)

Bentuk-bentuk agama dan kepercayaan masyarakat Arab sebelum Islam.

1) Agama Berhala

- Agama berhala merupakan agama yang mempunyai pengikut terbesar di Semenanjung Tanah Arab. Berhala tersebut diperbuat daripada batu, kayu dan kadang-kala dari buah tamal (kurma). Tiap-tiap kabilah mempunyai patung berhala masing-masing. Antara berhala yang terkenal termasuklah al-Latta, al-Uzza, al-Manat dan al-Hubal. Sebahagian penduduk Tanah Arab tidak menganggap berhala Tuhan tetapi hanya sebagai perantaraan. Kepercayaan mereka bercampur-aduk antara percaya kepada Allah dan percaya berhala. Mereka ini dikenali sebagai golongan musyirikin, iaitu orang yang menyekutu Allah.

2) Agama Majusi

- Agama ini tidak diamalkan seluas oleh orang-orang Arab Jahiliah. Ia dibawa masuk selepas Parsi berjaya mengalahkan Habsyah di Yaman pada akhir abad ke-6 Masihi. Penganut agama ini menjadikan api sebagai objek ketuhanan mereka. Di antara penganut agama ini yang terkenal ialah Zararah dan anaknya Hajib. Mereka berasal dari Bani Tamin yang sememangnya

mempunyai hubungan dengan Parsi. Agama ini terbahagi kepada 3 mazhab iaitu Kayumarthiyah, Zarwaniyah dan Zaradushtiyah.

3) Agama Yahudi

- Agama ini adalah berdasarkan kepada ajaran yang dibawa oleh Nabi Musa a.s. berpandukan kepada kitab taurat. Agama ini tersebar luas terutamanya di kawasan-kawasan Osis di Barat Laut Semenanjung Tanah Arab, iaitu Tai'ma Khaiba, Padak dan Yathrib. Orang-orang Yahudi berasal dari Palestine. Mereka berhijrah ke Semenanjung Tanah Arab sejak abad pertama Masihi. Mereka telah menjadi kaya-raya dan berjaya menarik perhatian orang-orang Arab untuk menganut agama Yahudi. Orang-orang Yahudi menganggap diri mereka sebagai bangsa pilihan dan mereka menganggap al-Uzarr sebagai anak tuhan. Di antara tokoh terkenal yang menganut agama ini ialah Yusof Zu Nuwas.

3) Agama Nasrani

- Agama Nasrani adalah agama yang berdasarkan kepada ajaran yang dibawa oleh Nabi Isa a.s. pada tahun 1 Masihi. Ia dibawa ke Semenanjung Tanah Arab oleh golongan pendakwah, pedagang-pedagang atau paksaan oleh tentera Rom atau Habsyah atas tanah jajahan mereka. Agama ini dapat sambutan dari penduduk Mekah dan Yathrib. Di antara tokoh terkenal yang menganut agama ini termasuklah Warraqah Bin Naufal dan Uthman Bin Huwairith. Agama ini mempunyai 2 mazhab iaitu Mazhab Nestorian yang berkembang di kawasan Hirah dan Mazhab Jacobite yang dianuti oleh penduduk Ghassan dan kabilah-kabilah lain di sempadan Syria / Syam. Pusat agama Kristian yang utama di Semenanjung Tanah Arab ialah Najran. Bandar Najran terus menjadi bandar Nasrani hingga ke zaman Khalifah Umar. Malah terdapat pusat latihan paderi Nasrani di Wadi al-Qura, iaitu kawasan pedalaman Timur Hijaz.

4) Agama Hanif

- Agama ini adalah berdasarkan kepada ajaran Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail. Penganut agama ini mempercayai konsep keesaan Allah ataupun monoteisme. Di antara mereka yang menganut agama ini termasuklah Zaid b'Amr, Umaiyyah Bin Abi Salt, juga kedua-dua ibu bapa nabi sendiri. Walau bagaimanapun, agama ini telah diselewengkan oleh golongan-golongan tertentu seperti juga agama Yahudi dan Nasrani, misalnya mereka menyembelih binatang korban dan darahnya dipercikkan di sekeliling kaabah.

5) Kepercayaan Animisme

- Kepercayaan ini wujud bersama dengan kewujudan manusia. Ia berpunca dari sifat kagum manusia terhadap sesuatu objek yang ditemuinya. Mereka percaya wujudnya satu kuasa yang boleh menolong atau memberi mudarat kepada mereka. Oleh itu, mereka menyembah apa sahaja yang dianggap ganjil termasuklah bulan, matahari, pokok, batu, gua dan sebagainya.

6) Kepercayaan Adat (Sunah)

- Kepercayaan adat dianggap sebagai unsur-unsur karut dan tahyul. Antara kepercayaan yang diamalkan ialah menilik nasib. Apabila memulakan sesuatu kerja baru, mereka akan melihat keadaan sekeliling bagi mengjangka nasib. Biasanya, mereka akan melihat arah burung terbang. Jika burung terbang ke kiri bermaksud tidak selamat dan sebaliknya.

Kesimpulan (2 markah)

- Terdapat banyak agama dan kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat arab sebelum Islam. Semua agama itu bertentangan dengan agama Islam kecuali agama Hanif yang ada sedikit persamaan.

10 Jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh Nabi Muhammad s.a.w. ke arah pembentukan negara Islam di Madinah.

A. Pengenalan [3 markah]

1. Demografi Madinah :

Negara kota Madinah terletak kira-kira 320 km ke utara Mekah. Masyarakatnya terdiri daripada suku-suku Arab terutamanya Aus dan Khazraj serta orang-orang Yahudi. Sebelum agama Islam tersebar ke Madinah suku-suku Arab sentiasa berselisih faham sesama mereka. Golongan Yahudi memandang rendah orang-orang Arab, memonopolikan kegiatan ekonomi, hidup mewah dan menguasai pentadbiran. Dari segi agama dan kepercayaan kaum Yahudi memelihara kesucian agama Yahudi dan orang-orang Arab menyembah berhala seperti orang Quraisy di Mekah. Namun begitu orang Arab Madinah lebih mengerti tentang ketuhanan dan kenabian berbanding dengan orang Arab Mekah oleh kerana mereka lebih terdedah kepada agama Yahudi. Jadi, pemikiran mereka lebih terbuka kepada usaha dakwah Nabi Muhammad saw dan lebih bersedia memeluk agama Islam yang dibawahnya.

Hijrah dari Mekah ke Madinah oleh Nabi Muhammad s.a.w. merupakan titik permulaan negara Islam di Madinah. Walaupun sebelum ketibaan Nabi Muhammad s.a.w. ke Madinah agama Islam tersebar di Madinah menerusi orang-orang Muslim (kaum Ansar) yang menyertai dalam Perjanjian Aqabah I dan Aqabah II.

2. Latarbelakang Nabi Muhammad Sebelum Hijrah.
3. Konsep negara

Isi – 7 x 3 markah = 21 markah

1 Pembinaan Masjid.

- Peristiwa hijrah telah menyebabkan penyebaran agama Islam semakin meluas terutamanya dengan terbinanya Masjid Quba dan Masjid Madinah yang menjadi tempat ibadat dan penyebaran agama Islam. Kaum Ansar di Madinah menyambut Muhajirin dari Mekah dan buat pertama kali, kegiatan dakwah dapat dilakukan secara terbuka. Kaum Ansar banyak berkorban untuk mengembangkan agama Islam. Setelah tiba ke Madinah Nabi Muhammad s.a.w. telah membina masjid-masjid yang bukan sahaja menjadi tempat ibadat dan penyebaran agama Islam tetapi juga digunakan untuk menyebarkan pendidikan dan ilmu pengetahuan Islam

2 Pembentukan Ummah

- Nabi Muhammad adalah seorang negarawan. Sebagai langkah pertama terhadap penyatuan masyarakat Islam di Madinah, Nabi Muhammad s.a.w. mempersaudarakan kaum Ansar dengan kaum Muhajirin.
- Muhajirin dengan Muhajirin.
- Ansar dengan Ansar.
- Muhajirin dengan Ansar

- Semangat asabiyah telah digantikan dengan semangat ummah mengikut akidah Islam. Hubungan persaudaraan mengatasi masalah perbezaan dari segi sosial dan ekonomi. Kedua-dua golongan bergaul dan bekerjasama untuk kebaikan agama Islam dan negara.

3 Mewujudkan Piagam Madinah

- Baginda seterusnya mewujudkan sebuah piagam untuk dijadikan panduan untuk membentuk sebuah negara Islam yang berdaulat. Piagam Madinah bukan sahaja membentuk persaudaraan antara Ansar dan Muhajirin tetapi juga perpaduan antara orang Islam dengan orang bukan Islam terutamanya orang Yahudi. Kaum Yahudi diberikan kebebasan mengamalkan ibadat mengikut agama mereka selama mereka mematuhi undang-undang Islam dan peraturan yang diterima umum. Orang Islam dan bukan Islam dapat hidup secara aman damai dan bebas menjalankan aktiviti masing-masing. Keselamatan penduduk Madinah terjamin dan mereka bertanggungjawab mempertahankan negara Madinah daripada serangan musuh. Penduduk Madinah juga mengiktirafkan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pemimpin agama dan ketua negara. Dengan pengiktirafan itu Nabi telah menjadi pemimpin yang berwibawa dalam urusan pentadbiran dan pemerintahan negara Islam Madinah.

4 Mengasaskan Pentadbiran Negara Melalui Cara Musyawarah

- Baginda berjaya mengasaskan sistem musyawarah dalam segala hal-hal politik. Dalam hubungan dengan kaum Yahudi semasa Perang Badar, Nabi Muhammad s.a.w. tidak menunjukkan permusuhannya terhadap kaum Yahudi tetapi terus mengadakan perundingannya dengan mereka. Hanya setelah perundingan gagal barulah mereka disingkirkan secara terhormat dari Madinah. Baginda juga menjalankan musyawarah semasa mewujudkan persaudaraan antara Ansar dan Muhajirin serta antara Aus dan Khazrai. Konsep musyawarah terbayang dalam hubungan politik antarabangsa.

5 Mewujudkan Tentera Islam di Madinah

- Baginda juga adalah seorang pemimpin tentera Islam yang menyertai beberapa ekspedisi ketenteraan untuk mempertahankan kesucian agama Islam daripada ancaman dan serangan musuh. Dalam mempertahankan kedaulatan negara Islam Madinah. Baginda merupakan seorang panglima tentera dan ahli strategi dalam bidang ketenteraan.

6 Mengadakan hubungan luar.

- Baginda adalah seorang diplomat yang mengambil inisiatif untuk menghantar perwakilan ke luar seperti Mesir, Byzantine, dan Parsi.

7. Menyusun semula struktur ekonomi Madinah.

- Penyatuan masyarakat yang berlaku telah mewujudkan semangat saling membantu sehingga meliputi segenap bidang. orang Muhajirin bergiat dalam bidang pertanian. Nabi menggalakkan umat Islam bergiat dalam bidang perniagaan.

Kesimpulan [1 markah]

Apa sahaja yang berkaitan

11. Nyatakan faktor-faktor dan kesan penghijrahan Nabi Muhammad S.A.W dari Makkah ke Madinah.

Pendahuluan (3 markah)

a) Konsep Hijrah

Hijrah ertinya ‘ perpindahan ’, iaitu perpindahan orang Islam dari Makkah ke Madinah bermula pada 1 Muharram dan tarikh ini merupakan bermulanya tahun hijrah dalam kalendar Islam.

Orang Islam telah merangka strategi yang cukup teliti untuk berhijrah bagi memastikan kejayaannya dari segi agama, moral, sosioekonomi dan politik. Madinah dipilih sebagai tempat hijrah kerana kesesuaiannya dari segi agama, moral dan sosioekonomi.

Orang pertama yang berhijrah ke Madinah ialah Abu Salamah bin Abd al-Asad pada 1 Muharam tahun pertama Hijrah (16 Julai 622 M). Rombongan pertama yang berhijrah ke Madinah ialah seramai 70 orang dan mereka berhijrah dalam kumpulan-kumpulan kecil agar tidak diketahui oleh kaum Musyrikin Makkah .

Isi Jawapan (20 markah)

Faktor-faktor penghijrahan (5x 2 markah = 10 markah)

1) Bai'at Aqabah

Termeterainya Bai'at Aqabah mempercepatkan lagi proses Hijrah. Melalui Bai'at ini, Nabi telah dapat menjangka sambutan penduduk Madinah adalah lebih baik. Dalam Bai'at Aqabah pertama, hanya 12 orang yang terlibat manakala dalam Bai'at Aqabah kedua, bilangannya telah meningkat kepada 73 orang. Orang Madinah bukan sahaja mahu menerima Islam tetapi sanggup memberi perlindungan kepada Nabi dan orang Islam.

2) Tekanan Musyirikin Mekah

Tekanan / Ancaman dari musyirikin Mekah telah mendorong Nabi dan orang Islam berhijrah ke Mekah. Nabi dan orang-orang Islam telah dihina, diseksa dan dipulau. Malah, Nabi sendiri telah diancam untuk dibunuh. Orang-orang musyirikin mula menunjukkan penentangan mereka apabila Nabi menyebarkan Islam secara terbuka. Mereka bimbang kedudukan mereka dari segi politik, ekonomi dan sosial akan terjejas.

3) Kegagalan Dakwah di Taif

Kegagalan dakwah di Taif menyebabkan Nabi cuba mengalihkan perhatian ke tempat lain, iaitu Madinah. Kedatangan penduduk Madinah ke Mekah dan kesungguhan mereka untuk menerima dan menyebarkan Islam memberi satu gambaran yang baik kepada Nabi. Penduduk Taif ternyata tidak mahu menerima

Islam memandang mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan orang Quraisy di Mekah.

4) Kematian Abu Talib dan Khadijah

Kematian Abu Talib dan Khadijah telah menyebabkan Nabi kehilangan tempat untuk berlindung. Ia sedikit sebanyak meninggalkan kesan ke atas Nabi. Khadijah adalah seorang isteri yang sangat setia dan sanggup mengorbankan segala-galanya untuk Nabi dan orang Islam. Abu Talib pula walaupun tidak menerima Islam, tetapi beliau tetap melindungi Nabi dari ancaman.

5) Mencari Tempat Baru untuk Berdakwah

Nabi berhasrat untuk mendapatkan sebuah tempat baru untuk berdakwah memandangkan sambutan dari penduduk Mekah kurang menggalakkan. Nabi agak kecewa dengan sikap penduduk Mekah. Di Mekah selama 13 tahun, bilangan yang menerima Islam agak kecil berbanding dengan tempoh 10 tahun Nabi berdakwah di Madinah.

6) Persediaan Penduduk Madinah Menerima Nabi

Persediaan penduduk Madinah menerima Nabi telah mendorong Nabi berhijrah ke sana. Penduduk Madinah sangat berharap Nabi dapat membantu mereka menyelesaikan perbalahan antara orang Arab dan Yahudi, juga antara orang Arab dan Arab, khususnya antara Aus dan Khazraj. Perbalahan ini berpunca dari perebutan kuasa di Madinah.

7) Kedudukan Madinah yang Strategik

Kedudukan Madinah di tengah-tengah jalan perdagangan antara Syam dan Yaman sangat sesuai untuk dijadikan sebagai pusat penyebaran Islam. Ia juga berpotensi menyaingi kedudukan Mekah sebagai pusat perdagangan. Dengan ini, Madinah bukan sahaja dapat dijadikan sebagai sebuah negara yang kukuh dari segi politik tetapi juga ekonomi.

8) Penduduk Madinah Hampir dengan Agama Samawi

Penduduk Madinah kebanyakannya sudah mengetahui serba sedikit tentang agama Samawi, terutamanya melalui cerita-cerita yang dibawa oleh orang Yahudi. Pengetahuan ini memudahkan mereka memahami dan menerima ajaran yang dibawa oleh Nabi. Lagipun, penduduk Madinah mempunyai sifat-sifat semulajadi yang lebih lembut berbanding penduduk Mekah.

9) Wahyu

Hijrah berlaku apabila Nabi menerima wahyu dari Allah yang mengizinkan orang Islam berhijrah. Wahyu tersebut ialah ayat 30, Surah al-Anfal. Ayat tersebut mengingatkan Nabi tentang pakatan yang dilakukan oleh orang musyirikin Mekah terhadap Nabi. Wahyu ini menggesa Nabi supaya segera berhijrah ke Madinah.

Kesan-kesan penghijrahan.(5 x 2markah = 10 markah)

1. Umum

Dapat mempergiatkan penyebaran agama Islam
Hijrah merupakan suatu proses jangka panjang dalam perjuangan umat Islam dan dilakukan secara terancang dan teratur dari segi kerohanian dan kebendaan. Nabi Muhammad (SAW) mendapat teman yang setia, jujur dan ikhlas dalam mengharungi perjuangan iaitu Ali dan Abu Bakar. Keredaan dan restu daripada Allah perlu sentiasa dipohon terutama di waktu-waktu kesusahan.

2) Perubahan Pusat Gerakan Islam Perkembangan politik

Pusat gerakan Islam berpindah ke Madinah dimana kegiatan Islam dapat dijalankan dengan lebih aman dan bebas dari ancaman kaum Quraisy. Penyebaran Islam mula dapat dijalankan secara bebas dan terbuka tanpa ancaman kaum Quraisy. Ajaran-ajaran Islam diamalkan dengan bebas tanpa kekhuatiran dimana-mana sahaja bahagian kota Mekah. Bidang politik mempunyai kaitan langsung dengan kegiatan ketenteraan di mana kegiatan ketenteraan Islam berkembang dengan pesat dan berjaya menundukkan dua buah empayar besar iaitu Parsi dan Rom.

3) Penyebaran Islam Semakin Meluas

Ajaran Islam dapat disebarkan dengan lebih meluas dan pesat. Penyebarannya begitu meluas sehingga melepasi sempadan politik Mekah dan Madinah. Nabi Muhammad telah menghantar utusan kepada pemerintah Rom, Farsi, Habsyah, Ghassan, Mesir, Bani Bakar dan sebagainya yang menyeru mereka kepada agama Allah. Di antara yang menerima utusan tersebut ialah Heraclius (Maharaja Byzantine), Muqaucis (pemimpin golongan Qibbi di Mesir), Najashy (Maharaja Habsyah) dan Kisra Farsi.

4) Perubahan Kedudukan Nabi

Baginda tidak lagi diancam secara fizikal atau dihina oleh kaum Quraisy. Malah baginda menjadi pemimpin utama Madinah yang dihormati dan disegani. Semasa di Madinah, baginda turut menjadi hakim, ketua negara, panglima perang, guru agama, pemimpin umat dan sebagainya. Peranan itu tidak dapat dimainkan semasa baginda di Mekah.

5) Pertambahan Umat Islam

Hijrah umat Islam adalah atas arahan Allah dan merupakan pekerjaan yang berkaitan dengan agama. Tujuan utama hijrah adalah untuk menuntut keredaan Allah. Madinah dipilih adalah kerana kesesuaiannya untuk dijadikan pusat penyebaran agama Islam. Peristiwa hijrah ke Madinah juga terdapat banyak unsur-unsur mukjizat yang berkaitan dengan aspek keagamaan secara langsung dan dapat mempertingkatkan iman dan keyakinan orang Islam. Umat Islam semakin bertambah dan terdiri dari dua golongan iaitu golongan Ansar dan Muhajirin. Golongan Ansar ialah orang Madinah yang menganut agama

Islam. Majoritinya ialah kaum Aus dan Khazraj. Golongan Muhajirin ialah umat Islam Mekah yang mengikut Nabi Muhammad berhijrah ke Madinah. Muhajirin bermakna "penghijrah". Pertumbuhan masyarakat Islam ini mewujudkan sebuah ummah Islamiyah. Umat Islam menjadi semakin kukuh dan mampu mempertahankan diri mereka.

6) Penubuhan Negara Islam

Kota Madinah menjadi negara Islam yang pertama di dunia apabila Nabi berjaya membentuk Piagam Madinah. Ia menukarkan imej kota Madinah yang hampir dikuasai oleh kaum Yahudi kepada sebuah kota Islam. Piagam ini dianggap sebagai perlembagaan bertulis yang pertama di dunia kerana ia mempunyai negara yang ditentukan kawasannya, mempunyai ummah yang tertentu dan menyentuh hak-hak seluruh masyarakat.

7) Perubahan Kehidupan Masyarakat Madinah

Sebelum Nabi Muhammad berhijrah, penduduk Madinah hidup dalam suasana Jahiliah tanpa sistem undang-undang yang teratur. Keadilan terletak pada kekuatan. Manusia yang lemah sering ditindas. Dengan kedatangan Nabi, sistem perundangan yang teratur diperkenalkan. Peraturan ini meliputi hampir keseluruhan aspek kehidupan masyarakat seperti bidang ekonomi, kekeluargaan, pemerintahan dan sebagainya. Semua penduduk Madinah hidup bebas dari penindasan.

8) Menamatkan Permusuhan Tradisi Golongan Ansar

Konflik diantara suku Aus dan Khazraj ditamatkan dengan mempersaudarakan mereka dengan ikatan semangat Ukhuwwah Islamiyah. Sebelum itu, mereka saling bermusuhan. Peperangan sering tercetus sesama mereka. Peperangan yang terakhir ialah Perang Bu'ath pada 618 M di antara suku Aus dan Khazraj yang mengorbankan banyak nyawa dan harta benda.

9) Permulaan Kalendar Hijrah

Tarikh penghijrahan Nabi Muhammad dijadikan sebagai titik terawal bagi pengiraan sistem kalendar Islam iaitu Tahun Hijrah. Hal ini dilakukan oleh Khalifah Umar al-Khattab pada 634 M. Takwim ini mengikut peredaran bulan. Dalam setahun mengandungi 12 bulan atau 354 hari. Setiap bulan mempunyai 29-30 hari.

10) Perubahan Dasar Politik

Umat Islam mula menjalankan dasar politik bercorak offensive iaitu menentang apa sahaja penentangan Quraisy secara kekerasannya. Perubahan dasar ini dilakukan setelah turunnya Suruh al-Hajj. Sebelum itu, mereka hanya bertahan dan bersabar.

11). Pertumbuhan Ekonomi

Kedudukan ekonomi orang Islam sewaktu di Madinah semakin kukuh. Orang-orang Muhajirin telah diberi bantuan oleh orang Ansar. Selain itu, Madinah merupakan kawasan yang sesuai untuk pertanian dan kedudukannya yang strategik untuk perdagangan. Setelah hijrah, sistem ekonomi Islam yang bertepatan dengan syariat Islam telah diperkenalkan dan

ekonomi masyarakat Islam bertambah kukuh dan negara Islam menjadi lebih makmur dan stabil.

12) .Sosial (pembentukan ummah)

Semasa di Makkah, masyarakat Jahiliah mengamalkan cara hidup berkabilah sementara para peniaga pula bersifat individualistik. Penghijrahan telah menghapuskan nilai-nilai masyarakat Jahiliah dan digantikan dengan nilai-nilai murni berpandukan akidah dan akhlak. Dalam sistem sosial Islam, setiap orang diberi kebebasan tanpa mengira kaum, agama dan keturunan di mana hidup berkabilah telah digantikan dengan sistem sosial dalam bentuk Ummah.

Kesimpulan (2 markah)

Sejarah penghijrahan Nabi Muhammad (SAW) merupakan perjuangan Baginda untuk menegakkan ajaran agama Islam. Baginda didorong dan didesak oleh keperluan untuk mencari sesuatu yang lebih baik dan lebih menguntungkan demi kebahagiaan dan kesejahteraan umat Islam. Umat Islam harus mengambil iktibar daripada penghijrahan Rasullulah (SAW) untuk meneruskan perjuangan hidup demi kebaikan umat Islam.

Penghijrahan ini juga telah membuka satu lembaran baru dalam episod penyebaran dan perkembangan agama Islam. Terlalu banyak kebaikan yang dinikmati oleh umat Islam dan umat manusia rentetan dari penghijrahan tersebut.

12. Bincangkan isi kandungan Perjanjian Hudaibiyah dan terangkan kesannya terhadap perkembangan syiar Islam.

Pendahuluan. (3 markah)

Peristiwa Hudaibiyah atau Latar Belakang Hudaibiyah.

Perjanjian Hudaibiyah telah ditandatangani oleh Nabi Rasulullah s.a.w dengan orang-orang Musyrikin Makkah pada tahun 628 Masihi (6 Hijrah) di satu tempat bernama Hudaibiyah.

Isi Jawapan .(20markah)

(a)Kandungan Perjanjian Hudaibiyah (5 x 2 markah =10 markah)

1) Genjatan senjata 10 tahun

- Mereka bersetuju untuk berdamai tanpa melibatkan sebarang peperangan selama 10 tahun. Dalam tempoh tersebut mereka tidak boleh bermusuhan.

2) Musyrikin Makkah menganut Islam mesti dihantar balik

- Sesiapa di antara orang Musyrikin Quraisy yang menganuti agama Islam tanpa izin walinya iaitu ibu bapa atau penjaganya hendaklah dikembalikan kepada kaum keluarganya atau kembali kepada agama asalnya.

3) Orang Islam memihak kepada Musyrikin tidak perlu dihantar balik

- Pihak Musyrikin tidak perlu mengembalikan semula andainya terdapat di kalangan umat Islam yang memihak kepada golongan Musyrikin atau menganut agama lain.

4) Suku/Kabilah Arab bebas meyokong Islam atau Musyrikin.

- Setiap orang tahu kabilah bebas sama ada hendak menyokong kaum Musyrikin Makkah atau pihak Islam.

5) Ibadat Umrah boleh dilakukan tahun berikutnya.

- Umrah bagi umat Islam pada tahun 628 Masihi itu ditangguhkan ke tahun hadapannya dengan syarat tidak membawa senjata dan hanya dibenarkan tinggal di Makkah tidak lebih daripada tiga hari.

(b)Kepentingan Perjanjian Hudaibiyah (5 x 2 markah =10 markah)

1) Peluang menunaikan ibadat haji

- Orang Islam berpeluang bagi menunaikan ibadat haji pada tahun 629 Masihi. Perjanjian ini telah memberi kebebasan kepada orang islam untuk memasuki kota Makkah dan melakukan ibadat di kaabah pada bila-bila masa.

2) Dakwah Islam semakin tersebar

- Nabi Muhammad s.a.w dapat merangka program dakwah Islamiyah ke seluruh pelosok Semenanjung tanah Arab secara aman dan umat Islam semakin bertambah..

3) Pengislaman tokoh-tokoh penting Quraisy.

- Pengislaman tokoh-tokoh penting Arab Quraisy seperti Khalid al Walid, Amr bin Al-As dan Uthman bin Talhah menjadi ikutan kepada orang-orang rab Quraisy yang lain.

4) Ketokohan/kebijaksanaan Nabi

- Melambangkan ketokohan unggul Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin yang amat dikagumi. Baginda bukan sahaja bijak malah merupakan pemimpin yang mempunyai wawasan dan berfikir 10 langkah ke hadapan.

5) Negara Islam Madinah diiktiraf dan makin kukuh

- Perjanjian ini menunjukkan orang-orang Arab Quraisy mengiktiraf kerajaan Islam di Madinah.

KESIMPULAN: (2markah)

- Perjanjian Hudaibiyah telah dicabul selepas dua tahun perjanjian ini ditandatangani. Angkatan tentera Rasulullah menuju ke Makkah dan berjaya menguasai Makkah semula tanpa pertempuran yang besar.

13. “ Khalifah Uthman bin Affan adalah seorang khalifah yang lemah dan tidak berwibawa ” . Berdasarkan pernyataan tersebut , bincangkan tuduhan dan alasan untuk menyangkal tuduhan tersebut.

Pendahuluan. (3 Markah)

- Uthman bin Affan bin Abi al- As berasal dari keturunan Bani Umayyah iaitu salah satu cabang keturunan Quraisy. Uthman dilahirkan pada tahun ke-6 dalam Tahun Gajah iaitu selepas lima tahun selepas kelahiran Nabi Muhammad S.A.W . Beliau ialah salah seorang terawal memeluk Islam dan di gelar ‘ Dhu al- Nurain (orang yang mempunyai dua cahaya) kerana berkahwin dgn dua puteri Rasulullah iaitu Rugayah dan Ummi Khalthum.
- Terpilih sebagai khalifah yang ketiga dan dibaiah , pada bulan Zulhijjah pada tahun 2311 dan ditabal menjadi khalifah pada bulan Muharam 24H. Khalifah Uthman memerintah selama 12 tahun . Dalam tempoh enam tahun pertama disifatkan zaman keamanan dan kestabilan tetapi enam tahun berikutnya dikenali sebagai zaman kekacauan.
- Sewaktu dilantik menjadi khalifah , beliau bersetuju meneruskan dasar pemerintahan Abu Bakar dan Umar tetapi perubahan masyarakat begitu cepat menyebabkan beliau menjadi sasaran tuduhan liar oleh musuh- musuh Islam terhadap Khalifah Uthman yang akhirnya membawa kepada pembunuhan Khalifah Uthman.

Isi-isi (20 Markah)

A. Tuduhan – tuduhan (5 isi x 2 markah)

1. Mengamalkan dasar nepotisme . Khalifah Uthman dituduh bersikap nepotisme atau memihak kepada kaum keluarganya dalam perlantikan jawatan – jawatan seperti Gabenor Mesir yang di pegang oleh Amru bin al – As telah digantikan dengan Abdullah bin Sa’d bin Abi Sarah , saudara angkat khalifah Uthman din Affan. Beliau juga dituduh sebagai gabenor yang tidak adil kerana memberi keistimewaan kepada pihak tentera, khususnya tentera yng baru berkhidmat di Mesir. Beliau juga dituduh bersikap zalim kerana memaksa penduduk Mesir untuk membayar cukai yang lebih dan tidak memebahagikan harta rampasan perang seperti yang dilakukan oleh khalifah- kahalifah yang terdahulu, ada juga yang mengungkit sejarah lampau beliau sebagai salah seorang bekas murtad .
2. . Hidup boros dan menggunakan harta Baitul Mal . Khalifah Uthman juga dituduh sebagai khalifah yang boros kerana telah membelanjakan wang yang banyak yang dikatakan diambil dari Baitul Mal. Beliau juga dituduh membelanjakan wang itu untuk diberikan kepada kaum keluarganya. Sebagai contoh beliau memberi kuasa kepada Gabenor Mesir , Abdullah bin sa’d bin Abi Sarah , menggunakan 1/5 daripada harta rampasan perang di Tripoli . Kesannya , penduduk Mesir marah dan memberontak.
3. Membenarkan sahabat memiliki harta di Iraq . Utnman di tuduh memberi tanah dan ladang kepada para sahabat dan ketua – ketua kabilah. Tanah tersebut dikenali sebgai tanah Sawafi iaitu tanah yang tiada bertuan yang

- dahulunya diuruskan oleh golongan Ahl al- Ayyam. Beliau juga dituduh membenarkan para sahabat nabi berhijrah keluar daripada Hijjaz.
4. Memihak kepada Quraisy dan bekas murtad. Khalifah Uthman bertindak memihak kepada kaum Quraisy akibat tindakan gabenor di Kufah , Sa'id bin al – As mengisytiharkan tanah di Iraq kepunyaan kaum Quraisy.
 5. Membakar naskah al – Quran . Khalifah Uthman juga di tuduh mencemar kesucian al – Quran kerana bertindak membakar naskah al – Quran.

B. Sangkalan/ Penafian Terhadap Tuduhan / Fitnah Yang dilontarkan Kepada Khalifah Uthman (5 isi x 2 markah)

1. Tuduhan terhadap Gabenor Mesir iaitu Abdullah bin Abi Sarah tidak sepatutnya diterima begitu sahaja tanpa mengkaji secara mendalam situasi yang dihadapi oleh beliau ketika itu . semasa beliau dilantik menjadi gabenor , Mesir menghadapi ancaman tentera laut Byzantine. Untuk menyekat serangan tersebut beliau terpaksa memperkuat angkatan tentera laut . Angkatan tentera laut baru dibina pada zaman pemerintahan Uthman . Pembinaan angkatan tentera laut memerlukan perbelanjaan yang besar. Tindakan beliau tidak mengagihkan harta rampasan perang juga mempunyai tujuan yang sama. Tambahan pula kedudukan ekonomi lembab berbanding masa pemerintahan Umar al – Khattab. Khalifah Uthman juga terpaksa mengenakan kadar cukai yang tinggi dikalangan rakyatnya untuk menambah pendapatan negara sekaligus dapat membangun angkatan tentera laut yang memerlukan perbelanjaan yang besar untuk membeli kelengkapan peralatan perang.
2. Kedudukan Abdullah bin Sa'd bin Abi Sarah sebagai bekas murtad tidak perlu diungkitkan lagi kerana beliau sudah lama bertaubat. Nabi sendiri telah memaafkannya. Pada zaman Abu Bakar kejujuran dan keikhlasan mereka masih diragui tetapi ianya telah hilang pada zaman Umar. Khalifah Uthman melantik ramai dikalangan pegawainya terdiri daripada bekas murtad kerana kebolehan mereka. Misalnya , Asy'ath bin Qais al – Kindi salah seorang ketua kaum murtad yang terdiri daripada suku kaum Kindah , telah dilantik menjadi tentera dan Gabenor Adharbaijan.
3. Perlantikan pegawai dan gabenor yang dibuat oleh Khalifah Uthman di kalangan keluarganya berdasarkan kebolehan dan kepimpinan mereka . Selain Abdullah , Al – Walid bin Uqbah bin Sa'id bin al – As , Gabenor Kufah , Abdullah Bin Amir , Gabenor Basrah dan Marwan Bin Al – Hakam , setiausaha negara ; mereka ini adalah sepupu Uthman. Khalifah Uthman melantik keluarganya menjadi pegawai kerajaan dan ada juga kewajaran kerana mereka boleh dipercayai. Pada zaman pemerintahan Khulafah al- Rasyidin , kerajaan pusat tidak mengamalkan dasar pemusatan kuasa seperti zaman Bani Umayyah. Banyak perkara pentadbiran diperingkat wilayah diselesaikan oleh gabenor di wilayah tersebut tanpa merujuk kepada khalifah . Tambahan pula usia khalifah Uthman telah lanjut tentulah memerlukan gabenor yang boleh di percayai untuk mengelakkan banyak masalah yang timbul. Sekiranya mereka gagal menunjukkan contoh yang baik atau ciri – ciri kepimpinan yang berkualiti mereka akan dipecat seperti yg berlaku ke atas al – Walid.

Seandainya Uthman bersifat taksub kpd kaum keluarganya tentulah beliau menghalang pemecatan al – Walid kerana beliau mempunyai kuasa utk tujuan tersebut.

4. Tuduhan Uthman seorang yang boros dan menggunakan harta Baitul Mal adalah palsu kerana beliau terkenal sebagai hartawan dan dermawan. Semenjak zaman Jahilliyah lagi. Pada zaman Rasulullah beliau telah menderma sebanyak 100 unta dan 1000 dinar. Oleh itu, tidak hairan beliau banyak memberi hartanya kepada keluarganya. Beliau juga tidak perlu menganbil wang daripada Baitul Mal kerana beliau seorang yang kaya. Perlantikan beliau sebagai khalifah menyebabkan aktiviti perniagaannya terhenti supaya beliau dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap tugasnya sebagai seorang khalifah. Oleh kerana beliau tidak mempunyai masa untuk mengurus hartanya beliau telah memberikan harta tersebut kepada kaum keluarganya. Mengenai 1/5 harta rampasan perang yang diberi kepada Abdullah iaitu Gabenor Mesir bukan untuk tujuan peribadi tetapi untuk menampung perbelanjaan tentera laut dan membayar gaji pegawai kerajaan. Tambahan pula, Khalifah mempunyai hak untuk mendapatkan 1/5 daripada harta rampasan perang seperti yang terdapat dalam al – Quran surah al- Anfal bagi kegunaan awam.
5. Pada zaman Khalifah Umar bin Al- Khatab tanah – tanah Sawafi di takbir oleh golongan Ahl al – Ayyam iaitu masyarakat islam yang menyertai ekspidisi ketenteraan di Iraq. Mereka terdiri daripada kaum Muhajirin, Ansar dan bekas murtad. Pada zaman Uthman sahabat – sahabat Rasulullah di beri peluang mendapatkan saham mereka melalui penyertaan mereka dalam ekspidisi tersebut iaitu melalui skim pertukaran tanah yang disediakan oleh khalifah. Melalui skim ini sahabat yang memiliki tanah dibenarkan menukar tanah mereka dengan tanah yang terdapat di Iraq. Misalnya, Talhah Bin Ubaidillah merupakan bekas tentera Iraq telah menukarkan tanahnya di Khaibar dengan tanah Sawafi di Nashstaj di Iraq. Mereka yang terlibat dalam skim ini bukan sahaja terdiri daripada kaum Muhajirin dan Ansar tetapi juga bekas murtad seperti Asy` ath bin Qais. Tambahan pula para sahabat mendapat tanah bukan secara percuma tetapi melalui skim pertukaran tanah. Tindakan Sa` id mengisytiharkan tanah Iraq menjadi kepunyaan kaum Quraisy kerana mengenang jasa dan kedudukan kaum Quraisy yang sentiasa dipandang tinggi oleh oleh masyarakat pada masa itu. Dengan mengendalikan tanah-tanah di Iraq mereka dipandang dan dihormati. Sebelum ini hampir semua pemimpin yang dilantik sama ada dalam tentera atau pegawai kerajaan terdiri daripada kaum Quraisy.
6. Untuk mewujudkan sebuah al-Quran yang standard dan seragam, Uthman telah melantik sebuah jawatankuasa bagi mengkaji naskah al-Quran yang ditulis dan disebar. Hasil kajian didapati al-Quran ditulis dalam pelbagai loghat tempatan dan tersebar di wilayah-wilayah Islam. Keadaan ini menyulitkan masyarakat Islam. Uthman memutuskan hanya perlu wujud satu bentuk al-Quran sahaja iaitu mengikut loghat Quraisy yang dikenali sebagai Masyaf Uhtmani. Lain-lain al-Quran dibakar unruk menjaga kesucian Islam.

Kesimpulan (2 markah)

- Jika dilihat keseluruhan tuduhan-tuduhan yang dibuat keatas khalifah Uthman kebanyakannya bertumpu kepada sikap dan tindakannya secara kebetulan beketurunan Bani Umayyah. Setiap tindakan dianggap salah oleh musuh-musuh Bani Umayyah.
Tuduhan yang serupa juga berlaku terhadap muawiyah dan pemimpin-pemimpin Bani Umayyah. Keadaan ini berbeza pada zaman Rasulullah dan Abu Bakar kerana mereka memandang tinggi dengan menghormati kedudukan dan kebolehan kaum keluarga Bani Umayyah terutama dalam bidang pertabiran. Terbukti ramai di kalangan mereka dilantik memegang jawatan penting negara pada kedua-dua zaman tersebut.

14. Bincangkan aspek kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai seorang tokoh ketenteraan dunia.

Pengenalan (3 Markah)

a. Latar belakang Nabi Muhammad

- lahir 12 Rabiul Awal tahun Gajah = 20 April 570M
- berketurunan Arab Quraish
- Bapanya Abdullah bin Abdul Mutalib
- Ibunya , Aminah binti Wahab
- menerima wahyu ketika berusia 40tahun
- memiliki 4 sifat terpuji : benar, amanah, menyampaikan, bijaksana
- wafat ketika berusia 63 tahun (632M)

b. Konsep ketahanan dalam Islam

- Islam-agama yang cintakan kedamaian
- Peperangan diizinkan dalam Islam sekiranya : diancam oleh musuh, utk mempertahankan agama bangsa dan Negara, utk mempertahankan hak

Isi (5 isi x 4 Markah = 20 markah)

1. Nabi Muhammad sebagai pemimpin tentera

- Asas kepimpinan iaitu akidah dan berakhlak mulia
- Menerusi akidah - baginda dan para sahabat tidak gentar menghadapi musuh
- Menerusi akhlak – menunjukkan akhlak yg mulia sehingga dapat menarik hati pihak lawan cth: dalam Perang Taif, baginda telah memulangkan segala harta benda yg diminta oleh pihak musuh sehingga akhirnya mereka memeluk Islam
- Perang pd zaman Nabi Muhammad terbahagi kepada dua:
 - a. Ghazwah-disertai oleh Nabi Muhammad sebanyak 27 kali – 9 drpnya membawa kpd pertempuran
 - b. Sariyah- 38 siri- diwakilkan kpd para sahabat

2. Mematuhi etika peperangan dalam Islam

- Mematuhi peraturan serta menuntut keredhaan-Nya
- Memberi pilihan sebelum berperang iaitu masuk Islam, bayar jizyah atau perang
- Tentera Islam dilarang bertindak kejam terhadap tawanan perang, musuh yg telah mati.
- Dilarang memerangi kanak-kanak , kaum wanita dan org tua, org yang sedang beribadat dan org awam, harta benda musuh dan tanaman serta rumah ibadat
- Berhenti berperang sekiranya musuh minta berdamai
- Patuh kepada ketua dan dibolehkan tipu muslihat dlm peperangan

3. Perancang taktik dan strategi peperangan

- Perang Badar – tunggu dan lihat serta menyusun tentera dalam bentuk saf
- Perang Khandak- menggunakan taktik bertahan dengan menggali parit di sekeliling kota Madinah
- Perang Taif- menggunakan taktik mengepung benteng pertahanan musuh dan seterusnya melancarkan serangan bertubi-tubi sehingga musuh tidak sempat bersedia
- Taktik lain – tidak memburu musuh yg melarikan diri

4. Berfikiran jauh dan kritis

- Melalui Perjanjian Hudaibiah (6H/628M)
- Memberi kemenangan psikologi kpd Nabi Muhammad krn telah menghancurkan seluruh semangat musuh
- Tidak berlaku pertumpahan darah
- Membawa kepada pembukaan semula kota Mekah

5. Penerapan semangat jihad

- Pembentukan tentera adalah untuk:
- Mempertahankan diri drpd sebarang serangan musuh, menjaga keamanan dan mempertahankan kedaulatan Negara
- Menjamin perjalanan dakwah dan mempertahankan kedudukannya drp permusuhan oleh sebarang pihak
- Memerangi pihak yg ingin merosakkan sebarang perjanjian yg termeterai di antara Negara Islam dan pihak lain

6. Bersifat terbuka

- menerima pandangan sahabat:
 - i. Salman al-Farisi- mencadangkan dalam Perang Khandak untuk menggali parit
 - ii. Saiyidina Abu Bakar dalam Perang Badar- mencadangkan tawanan Perang Badar yg mampu bayar tebusan – bayar antara 1000-4000 dirham utk bebaskan diri/ jika tak mampu tapi tahu baca dan tulis hendaklah mengajar 10 org kanak-kanak Islam sebelum dibebaskan

7. Berakhlak mulia

- Bertindak adil pd semua tanpa mengira kawan atau musuh
- Pada kawan – membahagikan harta rampasan perang secara sama rata
- Pada musuh – tidak melakukan pencerobohan dan tidak memerangi golongan yang lemah

Kesimpulan

Kehebatan dan kepimpinan Rasulullah s.a.w. telah menjadi perangsang kpd para pemimpin serta mujahid-mujahid seterusnya dalam menangani ancaman musuh agama dan Negara.

- 15** Jelaskan fungsi dan pelaksanaan zakat pada zaman khalifah Al-Rasyidin hingga zaman Bani Umayyah.

Pengenalan (3 Markah)

1. Konsep zakat

- zakat adalah rukun Islam yang ketiga-wajib apabila cukup syarat seperti cukup haul dan nisab
- berasal daripada perkataan Arab yang bermakna penambahan atau kesucian
- dari segi syarak, zakat merupakan pembayaran atau cukai ke atas harta apabila sudah sampai nisab dan haul(setahun)
- diberikan kepada mereka yang berhak menerimanya.
- Zakat dapat membersihkan jiwa dan hati daripada perasaan tamak.
- Zakat dapat membawa kesuburan harta.
- Zakat wajib- dituntut mengikut Al-Quran dan Sunnah
- Jenis-jenis zakat.

2. Latar belakang khalifah Al-Rasyidin

3. Latar belakang Bani Umayyah

Isi-isi (20 markah)

A. Fungsi zakat (5 isi x 2 markah)

1. Mendatangkan kesyukuran atau penyuburan pahala.
2. Mensucikan jiwa daripada kekotoran dosa.
3. Mendamaikan atau mengwujudkan kedamaian (al – salah).
4. Mendekat atau merapatkan jurang kekayaan dikalangan masyarakat Islam.
5. Menyemai semangat bertanggungjawab untuk tolong menolong.
6. Mengikis sifat tamak dalam pemilikan harta.
7. Membuktikan semangat sifat metaati hukum & perintah Allah.
8. Memperolehi keberkatan.

B. Pelaksanaan institusi Zakat pada Zaman Khalifah Ar-Rasyidin dan Bani Umayyah (10 markah)

Zaman khalifah Abu Bakar As-Siddiq

- berfungsi sebagai ujian terhadap keimanan dan ketakwaan umat Islam kepada Allah SWT.
- Zakat difardhukan ke atas umat Islam pada tahun ke-2H
- berfungsi untuk mengeratkan hubungan persaudaraan antara golongan kaya dan miskin.
- mengurangkan jurang perbezaan antara golongan kaya dan miskin
- fungsi zakat untuk membantu golongan seperti fakir, miskin, amail, muallaf, hamba yang hendak memerdekakan diri, orang yang berhutang untuk jalan Allah dan musafir.

- Membahagikan jenis zakat kepada dua iaitu : zakat harta dan zakat fitrah.
- Melaksanakan pemungutan zakat secara tegas sebagai menegakkan hukum. Khalifah Abu Bakar memerangi golongan al – Riddah yang enggan membayar zakat. Dari segi syarak, pembayaran zakat adalah wajib keatas harta apabila cuku syaratnya (sampai nisabnya dan genap haul (tahun / masa).

Khalifah Umar Al-Khattab

- perluasan kuasa dan kawasan pengaruh Islam telah bertambah. Kutipan zakat dan cukai akan bertambah semasa pemerintahan Umar Al – Khattab kerana beliau banyak melakukan ekspedisi ketenteraan dan penyebaran Islam.
- Penubuhan institusi Baitul Mal yang mengurus pentadbiran harta negara, harta masyarakat dan harta umum yang menghasilkan zakat. Operasi secara rasmi berlaku pada zaman Khalifah Umar Al-Khattab
- perlaksanaan institusi zakat semakin terserlah. Perlantikan ‘Amil’ yang melaksanakan urusan pemungutan dan menguruskan zakat daripada pihak yang layak berzakat mengikut ukuran atau kadar nisab tertentu.
- mendirikan sebuah Diwan yang dikenali sebagai Baitulmal untuk menguruskan urusan zakat dan cukai.
- hasil kutipan digunakan untuk membayar gaji tentera Islam
- Menyalurkan hasil pembayaran zakat kepada 8 asnaf iaitu golongan yang layak menerima antaranya:
 - a. Fakir Miskin
 - b. Orang musafir.
 - c. Amil.
 - d. Muallaf
 - e. Hamba yang hendak memerdekakan dirinya.
 - f. Orang yang berhutang
 - g. Orang yang berjihad
 - h. Orang yang merantau (ibnu sabil) dan kehabisan wangnya semasa dalam perjalanan yang bertujuan baik dan dibenarkan oleh syarak (termasuk mencari rezeki yang halal dan menuntut ilmu)

Zaman Bani Umayyah

- Khalifah Umar Abd.Aziz telah menubuhkan semula institusi zakat dalam bentuk asal. Beliau melantik amil/pemungut zakat di bahagian-bahagian berbeza dunia Islam untuk memungut zakat.
- Pada zaman Umar ,masyarakat Islam digalakkan bekerja keras sehingga menjadi masyarakat yang kaya raya.
- Kenyataan Umar – bahawa pengumpulan harta (tidak mengeluarkan zakat)boleh menyebabkan seseorang memuja harta dan mengurangkan ras cinta terhadap Allah yang membawa syirik
- Kemakmuran masyarakat Islam pada zaman Umar jelas apabila tidak seorangpun layak menerima zakat
- zakat terbahagi kepada 5 bahagian:

- Zakat emas dan perak -2.5%
 - Zakat binatang ternakan, unta, kambing, lembu- 2.5%
 - Zakat barang perdagangan-2.5%
 - Zakat galian dan harta
 - Zakat tanaman dan buah-buahan
- Kerajaan Bani Umayyah tubuhkan sebuah jabatan dipanggil Diwan al-Kharaj yang bertugas mengutip cukai serta mengeluarkan perbelanjaan negara.

Kesimpulan (2 markah)

- Fungsi dan peranan zakat dalam ekonomi Islam sangat penting
- Pelaksanaan zakat dapat menjamin keadilan dan keamanan social

16. Bincangkan tentang jenis-jenis seni bina Islam di Nusantara.

Pendahuluan (3 markah)

Konsep Seni Bina

- Seni bina bermaksud satu bidang seni untuk mendirikan bangunan, reka bentuk dan reka letak yang dibina oleh manusia.
- Mengikut Ibnu Khaldun seni bina merupakan satu daripada ciri ketamadunan yang penting kerana merupakan lambang atau mercu tanda kegemilangan sesuatu bangsa atau negara. Keagungan dan ketinggian sesuatu tamadun itu dapat diukur berdasarkan pencapaian dalam seni bina.
- Menurut pendapat Alfred Fred Frazer, seni bina Islam merupakan gambaran dari satu agama, bukan gambaran dalam bentuk sistem politik atau ekonomi. Tumpuan utamanya ialah bangunan masjid, madrasah, istana, pasar dan rumah kediaman. Selaian daripada ketinggian agama ia juga melambangkan kemakmuran sosial dan ekonomi.
- Seni bina terawal di Nusantara telah dipengaruhi oleh animisme dan Hindu/Buddha. Manakala seni bina Islam Nusantara pula lahir setelah datangnya pengaruh agama Islam. Namun begitu Pengaruh Hindu-Buddha tidak dapat dihapuskan terus kerana ia lebih awal dari kedatangan Islam di Nusantara. Selain itu seni bina Islam di Nusantara juga turut dipengaruhi oleh unsur-unsur dari China dan Barat. Antara seni bina dunia Nusantara ialah masjid, rumah, pintu gerbang, kota dan kubu, pusara dan makam serta rumah wakaf.

Isi Jawapan (5 x 4 markah = 20 markah)

1. Masjid

- Bangunan masjid yang terawal mempunyai bumbung yang bertingkat dan bumbung berbentuk limas.
- Binaan masjid juga dipengaruhi oleh seni bina Arab, Turki, Iran, dan India dengan memperkenalkan masjid berbentuk kubah potong bawang. Contoh. Masjid Tuban dan Masjid Raya Aceh di Indonesia.
- Seni binaan masjid juga turut dipengaruhi oleh unsure-unsur seni bina China. Ini dapat dilihat pada Masjid Lama Melaka yang mempunyai menara dan bumbung bergelombang. Ia mirip dengan bentuk rumah ibadat orang Cina.
- Ciri utama masjid di Nusantara ialah bumbung berbentuk atap tumpang, rumah kampung limas, potong bawang dan berbentuk payung.
- Masjid bumbung berbentuk atap tumpang dibina dengan bahan konkrit kecuali struktur kayu bumbung dan tiang serinya yang menggunakan tiang kayu. Contoh. Masjid Demak di Melaka.
- Masjid berbentuk rumah kampung memakai bumbung panjang dan lurus yang berbentuk dua lapis bumbung berbentuk V. Contoh. Masjid Hj Kadir di Bukit Besar, Terengganu.
- Masjid berbentuk limas merangkumi perabung lima, limas pemotong perak dan limas bumbung berlapis.
- Masjid berbentuk payung pula memperlihatkan adunan seni bina tradisi dan idea baru. Masjid jenis ini banyak dilihat pada masjid-masjid di Malaysia.

2. Rumah.

- Seni bina rumah di Nusantara banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor agama, sosial dan iklim. Terdapat lapan (8) jenis rumah di Nusantara. Rumah-rumah ini setiap satunya berbeza dan mempunyai keistimewaan tersendiri.
- Rumah Melayu Melaka – Rumah yang mempunyai bumbung tinggi, ibu rumah, dapur, anjung, serambi yang berdinging dan bertutup.
- Rumah Panjang – Ia di kenali juga sebagai rumah perabung panjang dan ianya adalah rekaan bentuk rumah terawal. Rumah yang mempunyai bumbung tinggi dan curam ke atas, satu perabung, beratap nipah atau genting.
- Rumah Tiang Dua Belas – Rumah yang mempunyai 12 tiang, bumbung bergenting dan sepasang tiang layer di atasnya. Terdapat banyak kerawang yang berukir dengan ukiran tebuk sebagai perhiasan dan ruang udara.
- Rumah Perabung Lima – Rumah yang mempunyai perabung sebagai bumbung utama kepada serambi. Mempunyai pengaruh Belanda dimana seni binanya mula diperkenalkan oleh pihak Belanda di Melaka dan Johor. Pembinaan rumah ini semakin pesat semasa pemerintahan Inggeris dan Belanda. Rumah ini juga popular di Jawa dan Pattani.
- Rumah Limas – Rumah yang hampir sama dengan masjid berbentuk limas. Rumah yang kecil dan rendah, dan tidak mempunyai pangkal serambi. Rumah ini kebiasaannya dipunyai oleh golongan berada. Contoh. Rumah Limas Ceblokan merupakan rumah tradisional Jawa dan rumah di Kampung Raja (Malaysia).
- Rumah Bumbung Perak – Rumah ini juga dikenali sebagai Rumah Potong Perak. Rumah yang mempunyai dua bumbung selari memanjang dan terdapat bukaan atap kecil. Rumah ini merupakan rumah limas yang telah diubah suai.
- Rumah Minangkabau – Rumah yang mempunyai bumbung seperti tanduk kerbau. Rumah ini banyak terdapat di Negeri Sembilan.
- Rumah Bujang – Rumah yang mempunyai enam tiang, empat tingkap dan dua pintu. Rumah bentuk ini banyak terdapat di Terengganu.

3. Pintu Gerbang.

- Kebiasaan pintu gerbang ini dapat dilihat semasa memasuki sesebuah bangunan tertentu. Tujuan pembinaannya untuk mengindahkan atau memperlihatkan identiti sesuatu tempat. Pintu gerbang biasanya dibina daripada kayu atau buluh dan ia menyerupai pintu pagar.
- Pintu gerbang dibina bertitik tolak daripada faktor keagamaan dan kebudayaan. Di Malaysia seni binanya lebih berunsurkan keislaman, namun begitu terdapat juga pengaruh dari luar. Contoh pintu gerbang di Masjid Tengker Melaka.
- Masjid lama di Jawa (Tengah dan Timur) mempunyai tembok dan pintu gerbang (gapura) di bahagian hadapannya. Contoh Masjid Menara Kudus dibina sebuah pelantar beratap dan ditempatkan sebuah beduk.
- Di Singapura, terdapat pintu gerbang utama ketika seseorang ingin memasuki Negara tersebut yang dikenali sebagai Kota Singa.

4. Kota dan Kubu

- Kota-kota Nusantara berkait rapat dengan raja-raja Melayu kerana kebiasaannya ia dipunyai oleh sultan dan dinamakan Istana Kota.

- Kota ini mempunyai parit di sekelilingnya. Sepanjang ranjau dimasukkan air untuk menghalang kemasukan musuh serta benteng pertahanan yang dilengkapi oleh pengawal bersenjata.
- Kota ini penting untuk menjaga keselamatan raja dan kaum keluarga dari ancaman musuh. Contoh tinggalan kota ialah Kota Melawati (Selangor) dan Kota Kuala Kedah (Kedah)
- Kubu pula ialah pusat pertahanan untuk mempertahankan diri daripada serangan musuh. Kubu akan dilengkapi dengan tanah yang ditambak dan pancangan pagar kayu resak. Contohnya ialah kubu di Aceh dan di Jawa.
- Kota dan kubu adalah sering berkait rapat dengan sejarah istana. Contoh kota dan kubu ialah Kota A Famosa (Melaka)

5. Pusara dan Makam

- Sejarah pembinaan pusara bermula sejak penemuan batu-batu nisan di pusara.
- Pusara yang besar dan indah adalah kepunyaan keluarga diraja, pembesar istana dan hartawan. Binaan pusara yang kecil dan sederhana adalah kepunyaan rakyat biasa.
- Bumbung pusara dihiasi dengan corak seni bina Melayu yang berunsur keagamaan. Biasanya pusara terletak di kawasan masjid. Contoh ialah makam Hang Tuah dan kompleks Makam Diraja Johor.
- Di Jawa banyak pusara terdapat di kawasan masjid seperti makam Wali Songo dan Makam Sunan Kalijaga.

6. Rumah Wakaf.

- Rumah wakaf merupakan rumah kecil yang dibina sebagai tempat berehat atau hiasan dan bukan tempat untuk kediaman. Lazimnya dibina di istana-istana dan tanah perkuburan.
- Rumah wakaf tidak dibina secara meluas kerana kepentingannya amat terhad.
- Seni bina ini hanya terdapat di Malaysia dan Jawa.

Kesimpulan (2markah)

- Islam merupakan agama yang murni. Semua aspek diambil kira termasuk tentang kesenian. Agama Islam melihat tentang kesenian dalam skop yang besar, tidak hanya berbentuk hiburan semata-mata. Malah seni bina juga diiktiraf sebagai satu hasil kesenian. Semua bentuk kesenian di benarkan dalam Islam selagi ia tidak melalaikan dan bertentangan dengan hukum Islam.